


KOLEKSI
CERITA-CERITA PENDEK
BERTEMAKAN ALAM SEKITAR





- LAPORKAN KEBOCORAN – paip yang bocor akan menyebabkan pembaziran dan memberi kesan ke atas pemuliharaan sumber air dan meningkatkan perbelanjaan




- GUNA SEMULA ALATULIS – surat-surat yang hendak dibuang boleh digunakan sebagai kertas draf dan slip memo



- PADAMKAN LAMPU/MESIN TAIPI/MESIN SALINAN FOTO – apabila tidak digunakan (termasuk pada waktu makan tengahari) untuk menjimatkan penggunaan elektrik, satu sumber yang amat bernilai




- GUNAKAN PEN YANG BOLEH DIISI SEMULA – satu lagi langkah bijak untuk menyekat pertambahan bahan yang tidak terbiodegradasi



- BIARKAN CAHAYA MATAHARI MASUK – di tempat-tempat yang ada tingkap, biarkan bilik diterangi cahaya semulajadi



- GUNA KERTAS PADA KEDUA-DUA BELAH MUKA – dengan cara ini anda mengurangkan separuh penggunaan kertas



- KURANGKAN PENGGUNAAN PLASTIK – jangan gunakan cawan "styrofoam", sebaliknya bawa cawan sendiri ke pejabat

**KOLEKSI
CERITA-CERITA PENDEK
BERTEMAKAN ALAM SEKITAR**

*Jabatan Alam Sekitar
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
kepada semua pihak atau orang
perseorangan kerana sumbangan mereka
bagi menjayakan projek ini.*

ISBN 983-9119-42-7

Cetakan Pertama
© Jabatan Alam Sekitar 1995

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, gambar, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Projek ini dibiayai oleh Kerajaan Malaysia
di bawah Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995):
Nombor Projek SETIA 46 00500 045

Disunting oleh:

Khairuddin Ayip
Zaharah Selamat
Tengku Mazuki Ismail



KATA-KATA ALUAN oleh KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR

Anak-anak yang dikasihi;

Alam sekitar yang indah dan harmoni merupakan anugerah yang tidak ternilai kepada kita. Alam sekitar yang bersih dan tidak tercemar akan memastikan kesejahteraan hidup kita. Oleh itu adalah perlu bagi kita untuk mengekalkan keindahan dan keharmonian alam sekitar dan berusaha untuk memerangi segala bentuk pencemaran. Kesedaran mengenai pentingnya keharmonian alam sekitar tidak akan wujud sekiranya kita tidak mengenali, mempelajari dan memahami persekitaran kita. Seperti kata pepatah, "tidak kenal, maka tidak cinta".

Oleh itu sebagai memberi kefahaman dan memupuk minat di kalangan anak-anak, Jabatan Alam Sekitar telah menghasilkan Buku Koleksi Cerita Pendek Bertemakan Alam Sekitar yang saya yakin akan dapat menarik minat anak-anak untuk lebih mengambil berat dan mendekatkan diri anak-anak dengan alam sekitar. Cerita-cerita ini adalah hasil karya dari penulis-penulis berbakat yang telah memenangi pertandingan mengarang yang dianjurkan oleh Jabatan sebelum ini.

Besarliah harapan saya supaya anak-anak akan dapat mengambil iktibar dari cerita-cerita tersebut dan berusaha untuk menjadi warga yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Marilah kita bersama-sama memastikan alam kita tidak tercemar, malah terus terpelihara – demi kesejahteraan kita dan generasi akan datang.

Selamat membaca!

Yang ikhlas,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dato' Dr. Abu Bakar Jaafar'.

(DATO' DR. ABU BAKAR JAAFAR)

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Malaysia

Pemenang Pertama
Harga Sebuah Tanggungjawab

oleh

H. M. TUAH ISKANDAR






HARGA SEBUAH TANGGUNGJAWAB

H

ARI ITU genaplah 40,000 tahun cahaya Imhays meninggalkan Magelanik. Itu menurut perkiraan penduduk di sebuah planet bernama Bumi.

Bumi? Di manakah letaknya planet berhabitat ini dalam Milky Way? Ansyuh memandang ke luar melalui lubang kaca Imhays. Suasana dilihatnya tetap gelap. Di sana-sini bertaburan bintik-bintik bercahaya yang berkerdip. Ah, di manakah planet yang dikatakan sangat tercemar itu?



120,000 tahun cahaya dari Imhays, di sebuah penempatan kecil berhampiran Kanowit, Sarawak, Hizan termangu di anak tangga. Hizan menghidu udara dalam-dalam dan melepaskannya perlahan-lahan. Terasa segar apabila udara itu memenuhi seluruh saluran pernafasannya. Terasa benar nikmatnya diselubungi alam persekitaran yang menghijau.

Kalaulah Alida ada di sini, pasti dia pun terpegun, kata hati Hizan. Sayang sekali, Alida tidak jadi datang ke Sarawak. Jika tidak, tentu dia juga berpeluang berkunjung ke Rumah Panjang Nanga Hijau. Tentu Alida berasa hairan melihat balak-balak yang menajah langit itu. Balak-balak itu besar lagi tinggi tetapi mudah sahaja dibeliti pokok kait-kait. Alangkah uniknya pemandangan di dalam hutan.

"Ke mari Hizan. Kita nyirup bersama-sama," pelawa Tuai Galayah.

"Mengapa Tuai pilih tinggal di hutan?" tanya Hizan sebaik sahaja dia selesai membaca doa untuk makan.

Tuai Galayah tersengih. Nampak giginya yang masih kukuh walaupun usianya telah lanjut.

"Di hutan atau di pekan sama saja," sampuk Haut kepada teman karibnya dari bandaraya Kuching itu.

Tuai Galayah menggeleng.

"Tidak!" katanya sambil mengerling ke arah Haut, cucunya yang sedarjah dengan Hizan di bandar itu. "Lihat persekitaran kamu. Rasai air perigi ini. Hidu udara dalam-dalam. Alangkah nikmatnya hidup ini jika persekitaran kita tidak tercemar?"

"Tuai tidak bercita-cita hendak pindah?"


"Kalau semuanya ini ada di tempat baru, Tuai sanggup pindah."

"Di bandarkah maksud Tuai?"

"Di mana-mana pun boleh."

Barangkali Tuai tidak tahu di bandaraya seperti Kuala Lumpur dan Kuching juga banyak pokok-pokok. Walaupun pokok-pokok itu ditanam





dan berjarak antara sebatang dengan sebatang yang lain, setidaknya tidaknya persekitaran menghidu dan redup. Tetapi, tentulah tidak sama menikmati kehijauan di hutan seperti ini, akui hati Hizan.



Alat pengesan di dalam Imhays tiba-tiba tergera. Semua komputer menerima gangguan. Ansyuh segera menekan punat-punat tertentu di hadapannya. Dia perlu mengawal kestabilan dan pergerakan Imhays. Tetapi kapal angkasa berbentuk prism itu terus juga meluncuri angkasa dengan tersekat-sekat.

Ansyuh melihat lagi ke luar. Gegaran yang berlaku di dalam Imhays mengganggu fokus penglihatannya. Tetapi suasana di luar tetap gelap. Kerdipan bintang masih bertaburan di merata-rata.

“Apa sudah jadi dengan Imhays?” pekiknya.

Haira dan Idaf kelam-kabut. Mereka menekan punat-punat tertentu Imhays supaya keadaan stabil. Kedua-dua adiknya itu terpekik-pekik apabila Imhays hampir bertembung dengan beberapa butir tahi bintang.



Ansyuh tidak berlenghah. Arahan bapanya segera dilaksanakan.

“Komputer Imhays memberitahu tarikan itu bernama graviti.”

“Graviti dari sebuah planet bernama Bumi, Pap Ifos,” sambung Haira yang turut mengesan.

Pap Ifos mengarahkan Mam Mair, menambah daya kuasa Imhays supaya pengaruh graviti dapat dikurangi. Mam Mair berjaya dengan tugas beratnya, dan Imhays pun kembali seimbang.

“Itulah planet yang bergraviti, Pap Ifos,” beritahu Idaf apabila Pap Ifos menghampirinya.

Pap Ifos pun segera mencari maklumat lanjut tentang planet yang dilihatnya berozon nipis itu.

“Wah! Itulah Bumi,” Kata Mam Mair lalu membaca maklumat dari skrin komputernya. “Bumi, terletak dalam Sistem Solar. Ia mengelilingi Matahari bersama lapan lagi planet. Atmosferanya tercemar, tanahnya berasid, sisa buangan toksik meracuni persekitarannya.”

“Horrey!!!” Ansyuh, Haira dan Idaf melompat-lompat kegirangan.

Pap Ifos dan Mam Mair juga sangat gembira. Usaha mereka selama ini telah berhasil.

“Akhirnya, dapat juga kita mengesan planet yang tercemar itu,” kata Pap Ifos dengan gembira.




Apabila matahari kian meninggi, suasana menjadi semakin bahang. Tetapi di bawah hutan, suasana tetap sejuk dan selesa. Hizan berbaring di atas bungkalan daun nipah kering yang bakal dianyam oleh Tuai Galayah dan orang-orangnya menjadi atap. Beruntunglah mendapat kenalan anak rimba seperti Haut. Kalau tidak kerang Haut, pasti aku tidak berpeluang menikmati keindahan alam yang cukup menyegarkan ini, bisik hati Hizan.

Sambil berbaring-baring itu, Hizan terbayangkan rumahnya di tengah-tengah bandaraya Kuching. Seperti bandar-bandar lain di Semenanjung, bandaraya Kuching juga pesat membangun. Wisma Satok, Electra House, Holiday Inn, Kuching Plaza dan Wisma Seberkas begitu memikat. Apalagi taman-taman indah menghiasi bangunan-bangunan pencakar langit itu, tambah terpukau pandangan.

"Dahulu Kuala Lumpur ini pernah diselubungi jerebu. Susah hendak menikmati keindahan bandaraya," keluh Alida, sewaktu Hizan menghubungi sahabat penanya itu melalui telefon tidak lama dahulu.

"Jerebu itu apa?" tanya Hizan.



“Macam kabus pada waktu pagi. Tapi kabus ini berlaku sepanjang hari. Matahari pun berbalam-balam sahaja.”

“Macam mana boleh terjadi macam itu?”

“Pencemaran alamlah.”

Menurut Alida lagi, bandaraya Kuala Lumpur sekarang sudah pulih. Sudah ada undang-undang mendakwa kenderaan yang melepaskan asap berlebihan. Kilang-kilang pun telah membaiki sistem pelepasan asap masing-masing. “Pembuangan sisa toksik dan kimia telah dirancang dengan teliti.

Hizan bangkit dari baringnya. Sambil memandang persekitaran, Hizan bersetuju dengan pegangan Tuai Galayah untuk tinggal terus di hutan. Lihatlah ototnya yang bergelembir tetapi gagah itu. Lihatlah giginya yang masih kuat. Lihatlah kepada persediaannya menghadapi penyakit. Dalam rumah panjang 40 pintu itu, Hizan belum bertemu dengan sebarang kapsul pun. Itu tandanya Tuai Galayah dan seluruh penghuni Nanga Hijau jarang diserang penyakit.

Tetapi mestilah kita mengorbankan diri ditinggalkan pemodenan untuk menjadi seperti Tuai? Hizan mengaru-garu kepalanya. Dia bingung.

* * *



Apabila Imhays berada dalam jarak 384,400 kilometer dari Bumi, daya tarikan graviti semakin kuat. Masuk sahaja ke atmosfera Bumi, seluruh dayakuasa Imhays terganggu kerana ia juga ditarik oleh graviti Bulan, sebuah bebola kecil yang mengelilingi Bumi.

“Bersedia untuk mendarat!” perintah Pap Ifos.



Dari Imhays, Pap Ifos dapat melihat Kawah Coperniccus seluas 90 kilometer itu. Di permukaan bebola kecil itu juga terpacak sebatang tiang. Ada kain berjalur merah dan biru serta berbintang-bintang di puncak tiang itu.

"Tugas Bulan mengelilingi Bumi, setiap 30 hari genap satu pusingan. Ia juga bertugas menerangi Bumi pada malam-malam tertentu. Bulan membalikkan cahaya ke Bumi dari Matahari. Garis pusatnya ialah 3,476 kilometer. Ia tidak berudara dan berair."

"Bulan pernah didatangi oleh manusia pada tahun 1969, mengikut tahun perkiraan Bumi. Benda yang terpacak itulah tanda pendaratan manusia." Haira menyampuk bacaan Ansyuh.

Apakah ini bermakna manusia hendak mencari planet lain untuk didiami. Jika demikian, samalah halnya dengan rombongan Imhays untuk memulakan penghidupan baru di tempat lain. Nyatalah Bumi telah tercemar dengan dahsyatnya, fikir Pap Ifos.

"Oleh sebab Bulan tiada berudara dan berair manusia tidak bercita-cita berpindah ke situ," sambung Idaf.

"Kebanyakan sungai di Bumi telah dicemari bahan-bahan kimia dan logam berat. Wah! seronoknya kalau dapat tinggal di situ," ujar Ansyuh pula. Dia terus giat mencari seberapa banyak maklumat tentang Bumi dari sistem komputernya.



Suasana di bandaraya Kuala Lumpur tetap hingar-bingar. Kenderaan bertali arus meniti jalan-jalan raya yang bersimpang-siur. Alida berdiri di beranda tingkat tujuh Rumah Pangsa Loke Yew itu. Dia menekup kedua belah telinganya kerana terasa bingit.

"Kakak, ada harimau!"

Alida terperanjat.

"Mana?" tanyanya kepada Nazih, adik bongsu yang cukup gemar mengusik.

"Tu....," Nazih menuding ke arah sang harimau pada sebuah treler pengangkut petrol.

Alida mencekak pinggangnya memandang Nazih yang melekek. Geram dia kerana selalu sangat dipermain-mainkan oleh adiknya itu.

"Itu bukan harimaulah. Itu gambar harimau."

"Kenapa harimau dilukis pada treler tu kak? Oh ya, sang harimau kuat macam kuatnya treler tu kan kak? Tengok tu, dia besar dan panjang tapi tak pun keluarkan asap. Motosikal itu kecil sahaja tapi asapnya bukan main."

Barangkali itulah yang dikatakan petrol tanpa plumbum yang baru diperkenalkan. Tengok tu, treler dapat bergerak tanpa mencemar alam persekitaran, bicara hati Alida.

"Hei! Ada harimau di sini pulak!"

Sekali lagi Alida terkejut. Nazih dilihatnya berlari dengan cemas ke arahnya, seolah-olah dikejar harimau.

"Tengok kak. Kupu-kupu ini bukan main manja dengan sang harimau."

Alida mengambil akhbar dari tangan Nazih. Akhbar itu dibeli oleh ayah kelmarin. Benarlah, kupu-kupu itu cukup jinak hingga ia hinggap di hidung harimau. Harimau pula seperti menghidu udara bersih dalam-dalam. Tepat sekali iklan petrol tanpa plumbum berlambangkan sang harimau itu untuk kepentingan alam sekitar, akui hati Alida. Nanti, kalau ayah sudah pulang, dia akan bertanya jenis petrol yang ayah gunakan untuk kereta Saganya.

* * *

Dari jauh, Hizan nampak Tuai Galayah terhenyut-henyut memikul beberapa berkas jerami padi bukit yang baru difuainya. Gagah betul Tuai Gelayah. Susah hendak melihat orang setuanya masih boleh melakukan kerja-kerja berat begitu. Lihatlah bukti alam persekitaran boleh mempengaruhi aktiviti hidup manusia, hujah Hizan kepada dirinya sendiri.

"Tuai hendak buat apa dengan jerami tu?"

"Awak fikir dia hendak buat apa?" tanya Haut, sengaja hendak menduga.

"Setahu saya, jerami hanya boleh dibuat penyapu dan tikar. Tapi mengapa Tuai ambil banyak sangat. Tuai berjualankah?"

Haut menggeteng sambil tersengih.


"Tuai akan tanam jerami-jerami ini," beritahu Tuai seperti mendengar semua pertanyaan Hizan.

"Tanam jerami. Untuk apa?"

"Untuk memusnahkannya."

"Bukankah lebih mudah membakarnya saja?"

Tuai Galayah duduk di atas berkas jerami seraya mengesat peluh.



"Memang selalunya begitu dibuat orang. Tetapi kita kena ingat, setiap pembakaran akan menyumbang kepada pencemaran udara yang kita hidu setiap detik ini. Pokok-pokok juga lemas dan boleh mati kalau terlalu banyak terkena asap. Hutan ini sangat berharga untuk kita persia-siakan."

"Lagipun dengan menanam jerami akan menambah suburkan tanah. Boleh digunakan untuk bercucuk tanaman kontan pula," sambung Haut.

Wah! tinggi sekali kesedaran sivik penduduk Nanga Hijau. Hizan bercadang akan mencontohi sikap penghuni rimba itu apabila pulang kelak.



Akhirnya Imhays pun berangkat meninggalkan Bulan. Perjalanan lebih 300 juta kilometer untuk sampai ke Bumi itu mengambil masa yang singkat sahaja. Ansyuh asyik membayangkan betapa seronoknya tinggal di Bumi kelak; menghirup udaranya yang berasid, menikmati pancaran terik Matahari tanpa tapisan ozon, menyelam lautan yang bertoksik dan tinggal di atas tanah yang kontang.

Sebelum mendarat, Imhays mengelilingi Bumi beberapa kali. Imhays merumuskan secara umum, bahawa sfera berhabitat itu mengalami pencemaran yang kronik.

Ketika Imhays meninjau rendah berhampiran pergunungan Pinatubo di Filipina, bacaan komputer alat kecemasan tergera. Pap Ifos nampak pergunungan itu mengeluarkan kepulan-kepulan asap. Belum sempat maklumat lanjut dicari, tiba-tiba ia meletup. Beratus tan lahar terhambur keluar. Imhays tertolak dengan kuatnya.

"Pap Ifos!" pekik Haira. Dia terhumban dengan kuatnya ke dinding Imhays.

Pap Ifos tidak dapat membantu kerana dia sendiri pun terpelanting dan terhempas berkali-kali. Mam Mair, Ansyuh dan Idaf juga menjadi mangsa lantunan kuat Imhays yang terpusing-pusing kehilangan arah.

Apabila keadaan kembali stabil, Ansyuh mendapati kesemua sistem maklumat Imhays tidak berfungsi. Kapal angkasa prisma itu pula ditarik oleh graviti Bumi dengan kuatnya.

"Masuk ke dalam balang keselamatan. Cepat!" arah Pap Ifos.

Tidak lama kemudian, Imhays pun terhempas ke Bumi.



"Bunyi apa tu?" tanya Haut.

"Macam-kapal terbang jatuh. Mari kita tengok."

Hizan dan Haut pun berkejar sekuat tenaga. Wah! tercemarlah hutan ini nanti. Tuai Galayah tentu gelisah melihat hutan rosak dan terbakar.

"Kapal terbang apa tu?"

Hizan turut hairan. Belum pernah dia melihat kapal terbang berbentuk prisma. Bukan sahaja tidak bersayap bahkan bentuknya pun cukup aneh.

"Ini bukan kapal terbang, Haut. Aku rasa ia kristal dari planet lain."

"Hah! tengok itu, pintunya terbuka," Haut segera menarik tangan Hizan supaya cepat-cepat bersembunyi.

Dari sela-sela daun, Hizan dan Haut dapat melihat dengan jelas makhluk dari kristal itu meninjau ke luar. Makhluk itu seperti manusia juga, cuma seluruh tubuhnya bersinar.

"Di mana kita ini, Pap Ifos?" tanya Ansyuh dalam bahasa yang tidak difahami oleh Hizan dan Haut.

"Di Bumilah," Haira menjawab seraya memandangi sekitar.

"Ah, ini bukan Bumi. Bumi, bukankah planet yang tercemar?. Lihat, planet ini subur."



Pap Ifos mengangguk. Dia bersetuju dengan pendapat isterinya. Bukankah sistem komputer Imhays telah menghuraikan keadaan Bumi? Mengapa berbeza dengan apa yang sebenar?

"Lihat itu, Pap Ifos. Ada makhluk boleh hidup di sini," Idaf menuding ke arah sekumpulan burung yang berkicau-kicau kerana ketakutan.

"Ini bukan Bumi yang kita lihat dari angkasa. Cuba hidu udaranya dalam-dalam, cukup segar dan bersih. Keadaan begini tidak sesuai untuk habitat kita," ujar Mam Mair.

Pap Ifos menoleh ke arah isterinya, kemudian anak-anaknya satu persatu. Tidak mungkin sistem komputer Imhays tersalah memberi

maklumat. Tidak mungkin tanah yang dipijaknya ini bukan Bumi. Tidakkah sebelum Imhays hilang pedoman, ia berada 10000 meter sahaja dari kawasan pergunungan Bumi?.

"Pap Ifos, Idaf rasa sesak nafas," Idaf menekan-nekan dadanya.

"Haira juga."

"Mata Ansyuh pun pedih."

Persekitaran di sini cukup segar. Cepat sahaja memberi tindak balas negatif terhadap makhluk Planet Saudrif.

"Masuk ke dalam Imhays," arah Pap Ifos.

* * *

Masuk hari itu sudah dua hari Hizan berada di Rumah Panjang Nanga Hijau. Berguna sungguh pengalaman menghayati sendiri kehidupan di kawasan yang belum tercemar. Bagi Hizan, itulah pengalamannya yang paling berharga dan penting. Dia berterima kasih kepada Haut kerana sudi mempelawanya menghabiskan cuti sekolah di Nanga Hijau sahaja.

Tetapi sejak melihat suatu keanehan di hutan siang tadi, hati Hizan tidak tenteram. Kepada siapa hendak diadakan? Kalau ada Cikgu Saibu, guru sains itu alangkah bagusnya. Tetapi Cikgu Saibu sedang bercuti di kampungnya di Semenanjung sekarang ini. Apakah Tuai perlu diberitahu? Hah, barangkali Tuai rumah yang cukup kuat berpegang kepada adat itu akan mentertawakan sahaja.

"Kita tidak bermimpikah Haut?" tanya Hizan.

"Kalau kau bermimpi, penglihatan aku ini hendak dikatakan apa?" Haut menyooal kembali.

"Apa pendapat kau?"

"Apa lagi, makhluk angkasa lepaslah."

"Apa dia buat di sini?"

Haut mengangkat bahu. Dia bingung.

"Aku fikir mereka tersalah arah. Lihat cara mereka datang. Mereka bukan mendarat tetapi terhempas."

"Pasti keindahan alam inilah yang mendorong mereka untuk datang. Wah! mereka hendak menawan Bumi, Haut. Kita mesti pertahankan Bumi ini dari mereka."

Haut terdiam. Kata-kata Hizan itu barangkali ada benarnya. Tetapi apa yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak seperti mereka?

Malam itu ada perhimpunan di ruai. Perhimpunan setiap minggu itu sudah menjadi gaya hidup penduduk Rumah Panjang Nanga Hijau. Inilah masanya setiap orang boleh menyuarakan pendapat serta cadangan.

Setelah hampir semua penghuni duduk berhimpit-himpit di ruai, Tuai Galayah pun mula berucap.

"Hutan inilah satu-satunya hak kita. Setiap orang bertanggungjawab menjaga persekitaran supaya tempat ini seronok dan selesa untuk didiami."

Seorang pemuda mengangkat tangan. "Hutan di Long Akah telah habis ditebang. Mereka mahukan hasil balak secara lumayan. Lama-kelamaan pembalakan itu akan sampai ke Nanga Hijau. Ketika itu ke mana kita hendak pergi?"

"Kita akan pertahankan belantara ini," balas Tuai Galayah penuh bersemangat. "Kecuali pihak berkenaan menyediakan tempat yang lebih baik daripada ini, barulah kita akan fikirkan untuk pindah."

"Tempat itu mestilah bebas daripada sebarang pencemaran. Penuh dengan keindahan alam semulajadi dan benar-benar selesa untuk didiami," sampuk seseorang.

Hizan bertanya kepada Haut apakah yang mereka sedang bicarakan? Haut pun menterjemahkan perbincangan dalam bahasa Dayak itu kepada Hizan.



Tiba-tiba Hizan mengangkat tangannya. Semua pandangan tertumpu kepada Hizan.

"Bolehkah saya bercakap, Tuai?"

Tuai Galayah mengizinkan.

"Tuan-tuan tidak usah gusar untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik daripada ini. Malaysia sekarang ini dalam era menghijaukan negara. Pokok-pokok disaran supaya ditanam dengan banyaknya di bandar-bandar. Jabatan Alam Sekitar pula giat memberikan kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya sumber alam dipelihara dengan baik, supaya dengan itu rakyat dapat menikmati kehidupan yang segar lagi bersih."

"Apa maksud kamu?" Tanya seseorang yang tidak dikenali oleh Hizan.

"Maksud saya, jika kerajaan telah memutuskan untuk membangunkan hutan ini, tuan-tuan patut akur. Dalam wawasan kerajaan untuk menghadapi tahun 2020, kesegaran dan keindahan alam sekitar sangat dititikberatkan."

Tiada sesiapa pun membantah penerangan Hizan. Hizan bukan pandai sangat. Apa yang diperkatakan sekadar apa yang diketahuinya dari cikgu di sekolah.

Apabila Hizan kembali duduk, Haut menepuk-nepuk bahu Hizan. "Syabas. Kau petah bercakap. Tengok, hujah kau diterima oleh semua orang."

"Bukan hujah aku, hujah umum milik seluruh rakyat Malaysia," balas Hizan sambil tersenyum dengan lebar.

* * *

Di Rumah Pangsa Loke Yew pada saat itu, Alida sedang seronok membaca sebuah novel. Novel berjudul 'Pedamaran Penan' itu cukup memikat kerana ia mengisahkan perjuangan seorang kanak-kanak Penan. Kanak-kanak itu tidak bersetuju dengan pendirian kaumnya yang hendak mengekalkan kehidupan berpindah randah. Kaumnya berpendapat hidup berpindah randah akan menjamin kehidupan dalam suasana hutan yang asli. Tetapi kanak-kanak itu mahukan pembangunan agar dia dapat bersekolah.

"Siwek dalam novel ini percaya persekitaran seperti di belantara dapat dikekalkan walaupun mereka menerima pembangunan. Bagaimana hendak mengekalkan kehidupan belantara di bandar, ayah?"

Encik Daam yang baru selesai sembahyang Isyak itu menjawab; "Lihat apa yang ada di Templer Park, di kawasan Hutan Simpan Kepong, di Tasik Perdana, di Bukit Belacan dan banyak tempat lagi. Bukankah penuh dengan pokok-pokok hutan? Di tengah bandaraya pun apa kurangnya. Sebahagian Jalan Sultan Ismail dihiasi oleh pokok-pokok di kiri dan kanan bahunya."

Alida mengangguk. Semakin jelas di kepalanya sekarang ini betapa alam sekitar yang selesa bakal melahirkan masyarakat yang sihat lagi cergas.

* * *

Sistem komputer Imhays masih belum berfungsi. Tetapi Pap Ifos tetap yakin planet berudara segar itu adalah Bumi. Bagaimana planet yang sebelumnya sangat tercemar itu tiba-tiba boleh bertukar segar? Pap Ifos mengeluh sambil merebahkan tubuhnya pada kerusi panjang di dalam Imhays.

Ansyuh, Haira dan Idaf telah lama terlena. Mereka keletihan kerana telah lama meneroka angkasa lepas. Planet Saudrif telah lama ditinggalkan. Hampir semua keluarga di Saudrif diarahkan mencari penempatan baru. Bahan-bahan pencemar persekitaran di Saudrif telah kehabisan. Mereka perlu mencari planet baru yang tercemar untuk faedah generasi akan datang.



"Apa rancangan Pap Ifos sekarang?" tanya Mam Mair sambil menghampiri suaminya.

"Kalau benar-benar Bumi ini tidak sesuai, kita terpaksa pulang ke Saudrif. Pulang dengan membawa perkhabaran buruk."

Malam itu juga, Pap Ifos meninjau-ninjau lagi di luar. Kawasan persekitaran gelap. Udara yang terdiri dari gas oksigen dan karbon dioksida semakin sejuk. Udara segar begini cukup sesuai untuk semua habitat Bumi tetapi tidak untuk kaum dari Planet Saudrif. Kaum Saudrif perlukan udara yang dicemari helium untuk berkembang biak dengan pesatnya.

"Semua daun dari tumbuhan ini mengambil karbon dioksida dan melepaskan oksigen." Kata Mam Mair. "Tidak ada sejarah pun udara ini mengandungi helium. Ah, sesaknya nafas." Mam Mair masuk semula ke dalam Imhays.

Apabila matahari muncul kembali di Ufuk Timur, Pap Ifos dan seluruh ahli keluarganya meninjau-ninjau lagi ke luar. Mula-mula mereka mengkaji tanah Bumi. Tanah di bumi Kenyalang itu bermineral dan ada yang gambut. Air pula mengandungi gas-gas hidrogen dan oksigen. Ah, kesemuanya belum tercemar.

Dari sela-sela daun rimbun, Hizan dan Haut terus berbisik-bisik. Mereka leka memerhatikan gelagat makhluk yang tidak dikenali itu. Dari pemerhatian itu, mereka dapat mengagak makhluk itu dalam keadaan serba salah. Kenapakah? Hizan dan Haut tidak dapat menduga.

"Pap Ifos, Imhays telah pulih," beritahu Ansyuh. Dia berjaya memperbaiki kerosakan kecil yang berlaku ke atas kapal angkasa itu. Ansyuh sudah bersedia untuk menerbangkan kembali Imhays ke angkasa.

"Tetapi sistem maklumat berkomputer kita masih rosak," bantah Haira.

Pap Ifos terus berfikir. Persekitaran Bumi hanya sesuai untuk habitat bernama manusia, haiwan dan tumbuhan. Alam sekitarnya yang menghijau serta udaranya yang bersih bukan untuk makhluk dari Saudrif. Nampaknya terpaksa Imhays memulakan kembali penerokaannya ke angkasa lepas.

“Bersedia untuk berangkat!”

Ansyuh memandang ke luar buat kali terakhir. Tiba-tiba dia terpandangan kelibat Hizan dan Haut yang bersembunyi di balik sela-sela rimbunan daun. Ansyuh menghadaikan senyumannya. Dia percaya itulah makhluk yang bernama manusia. Manusia telah menjadi penghuni Bumi sejak berkurun lamanya.

Mata Hizan dan Ansyuh bertentangan. Hizan membalas senyuman Ansyuh dengan penuh tanda tanya. Kemudian Hizan melihat anak sulung makhluk angkasa lepas itu mengangkat tangannya.



Memanglah Bumi ini hak kamu selama kamu dapat mengekalkan keaslian persekitarannya.

Hizan dan Haut seolah-olah mendengar makhluk yang hampir sebaya dengan mereka itu berbisik.

"Ke mana kamu hendak pergi?" Soal Hizan apabila Imhays mula terapung-apung di udara.

Kami akan terus mencari penempatan baru untuk kepentingan habitat kami. Kami tidak akan berhenti mencari selagi belum bertemu. Buat sementara, kami akan pulang dahulu ke Saudrif untuk membuat laporan tentang Bumi.


"Selamat Jalan," kata Hizan dan Haut sambil melambai-lambarkan tangan masing-masing.

"Selamat tinggal," balas Ansyuh.

Pemenang Kedua
Sebelum Tidurnya Terlenna

oleh
AMINHAD





SEBELUM TIDURNYA TERLENA

M

ALAM itu Ana masuk tidur lebih awal daripada biasa. Sakit betul hatinya mengenangkan sikap Kak Noraihan. Bukan sahaja siang tadi. Selepas makan malam tadi pun Kak Raihan membebel lagi.

Malam itu, Ana tetap dengan keputusannya. Dia mahu tidur di bawah saja. Tidak bersama Kak Raihan sebagaimana biasa. Ana tidak mahu Kak Raihan menyambung bebelannya ketika dia hendak tidur. Ah, pedihnya telinga. Sakitnya hati, kata hati Ana sendiri.

Perlahan-lahan dia membaringkan tubuh. Tidur beralaskan tikar getah tanpa tilam terasa sungguh berbeza. Tetapi Ana tidak peduli. Biarlah sejuk sedikit asalkan hatinya puas. Biar Kak Raihan tahu sebenarnya dia merajuk. Biar!

Setelah membaca 'Bismillah,' surah Al-Fatihah dan ayat Kursi, Ana cuba meletakkan mata. Tetapi fikirannya terganggu. Dia masih teringat kata-kata Kak Raihan.

"Tak baik Ana cakap begitu kepada pak cik itu. Kasihan dia. Entah-entah dia tersinggung. Ana tak tahu, mungkin hati pak cik tu tersentuh. Mujurlah dia tidak menunjukkan kemarahannya."

"Ana cakap yang betul. Itupun salah?"

"Lain kali kalau nak cakap, kena hati-hati. Jangan celupar. Bukankah kerja angkut sampah itu mulia? Ana tak tahu pak cik dan pekerja-pekerja yang lain tu turut membantu menjaga alam sekitar. Kerja mereka mulia. Kalau mereka tak ada, tak bekerja, baru Ana tahu apa

akan jadi pada kawasan perumahan tempat kita tinggal ini. Ana sepatutnya ucap terima kasih banyak-banyak kepada pak cik tu. Bukannya mengejek.”

“Tapi, Ana cakap yang betul,” Ana mahu membela diri. “Ana bukannya mengejek,” tambah Ana kurang puas hati.

“Tapi, gaya Ana cakap tu macam mengejek...”

“Ana cakap yang betullah Kak,” pintas Ana.

“Apa yang Ana rasa betul tu? Bukankah Ana kata pada pak cik tu: Pak cik tak jijik ke kerja angkut sampah ni? Busuklah pak cik ini. Saya pun nak termuntah. Ueeeeekkk! Itu yang Ana kata betul? Itu menghina namanya. Kakak yang dengar pun berasa malu. Malu sungguh. Mulut Ana celupar!”



Ana mengeluh berat mengingati semula bebelan Kak Raihan. Baginya, Kak Raihan salah anggap. Kak Raihan memang suka membebel. Kak Raihan memang selalu saja suruh dia menjaga kebersihan sekeliling rumah, termasuk longkang di belakang rumah. Kalau ada sampah yang dikais ayam sebelum sempat lori sampah tiba, Ana jugalah yang diberi tanggungjawab untuk membersihkannya semula.

Kalau ada sampah yang tidak betul masuk ke dalam karung pelastik hitam di tong sampah belakang rumah, Ana jugalah yang perlu mengemaskannya. Itulah yang Ana kurang senang. Kak Raihan seperti sengaja memberi kerja kotor itu kepadanya.

Kalau Ana terlewat menyapu bilik, ruang tamu dan halaman, Kak Raihan cepat melenting. Macam-macamlah katanya. Begitu juga kalau Ana bermalas-malas mengemas bilik, buku-buku juga cadar dan selimutnya.

“Kalau macam inilah sikap Ana, alamat tak lama lagi bilik ini akan menjadi sarang tikus. Sarang anai-anai juga. Entah-entah lalat pun akan segera menyerang. Barulah nanti Ana tahu kalau ulat-ulat sudah membiak merata tempat. Bukan sahaja menjijikkan, tetapi lalat juga membawa berbagai-bagai penyakit. Alam sekitar yang tercemar menjadikan hidup kita tidak selesa. Ini perlu Ana tahu dan ingat. Cikgu kakak selalu pesan”

“Alah Kakak ni. Di sini bukannya tempat ceramah tentang alam sekitar. Kakak salah tempat, tau. Sudahlah tu. Ana nak pergi mandi,” potong Ana sengaja tidak mahu mendengar nasihat Kak Raihan.

Namun begitu, Kak Raihan tidak pernah putus asa. Dia juga tidak menunjukkan tanda-tanda benci kepada adiknya. Cuma sesekali dia mengeluh. Dia kesal dengan sikap Ana. Dia tahu, Ana masih tidak faham apakah pentingnya menjaga alam sekitar. Jadi, Kak Raihan masih terus berusaha mahu menyedarkan adik bongsunya.

“Eloknya mandi dulu, Ana. Selain menjaga kebersihan alam sekitar, kebersihan diri juga penting. Selepas sarapan nanti, bolehlah Ana tolong Kakak tanam pokok ya? Ana ingat tak pokok Akasia yang ayah beli tu? Kata ayah, selain pokok itu cepat membesar dan menjadi teduhan, pokok-pokok itu juga bakal menyegarkan udara persekitaran. Usaha kita

turut memelihara alam sekitar, Ana tahu? Di sekolah Cikgu Kakak ada ajar. Pokok-pokok yang subur menyedut gas karbon dioksida yang manusia hembuskan. Daun-daun pokok pula akan membebaskan oksigen ke udara. Manusia memerlukan oksigen untuk bernafas. Jadi, kita tanam”

“Kakak sajalah yang tanam pokok-pokok tu. Ana malaslah,” pintas Ana kemudian bergegas pergi.

Suatu ketika, Ana mengereng ke kiri. Entah mengapa malam itu matanya begitu sukar untuk lelap. Hendak dikatakan nyamuk banyak, jauh sekali. Tingkap yang sengaja dibuka untuk membolehkan udara segar masuk ke bilik, terasa bukan menjadi lubang nyamuk-nyamuk masuk menyêrang. Dengungan nyamuk sedikit pun tidak kedengaran.

Ana cuba celik sebentar. Nampak langsir jendela terbuai-buai ditiup angin. Tentu angin malam -yang dingin lagi segar dapat membantu dirinya terlena, fikir Ana. Dalam kesamaran cahaya lampu tidur kebiruan itu, Ana cuba membayangkan segala yang indah-indah. Gunung yang tersergam megah. Padang yang luas dan menghijau lapang. Pokok-pokok yang segar dan air tasik yang membiru.

Keadaan tersebut cukup menyegarkan pandangan. Ditambah pula udaranya segar, terasa puas menyedut udara dalam-dalam masuk ke paru-paru. Antara sedar dengan tidak Ana melakukannya. Ana menyedut udara dalam-dalam kemudian menghembuskannya. Lama kelamaan kedua belah matanya semakin layu. Kedua boleh kelopak matanya terasa berat.

Pada suatu ketika Ana mahu menyedut udara segar seperti sebelumnya. Tetapi Ana gagal. Kalau sebelum itu dia dapat menyedut udara malam yang menyegarkan, ditambah dengan bau harum bilik, kali itu Ana terasa hendak muntah!

Dalam pandangannya, Ana sudah berada di halaman rumah. Dia masih berbaring tetapi bukan di atas tikar getah lagi. Dia berada di atas timbunan sampah sarap.



Segalanya cukup melemaskan. Bukan sahaja dia berasa sukar untuk bernafas, tetapi juga meloyakan tekak. Bau hanyir kotoran, kertas-kertas, reja-reja plastik, tin-tin kosong, sisa-sisa makanan dan bermacam-macam lagi sampah sarap yang bercampur gaul amat menjijikkan. Amat menjijikkan.

Anak tekak Ana tiba-tiba sahaja seperti dijolok-jolok. Bau busuk sisa makanan yang telah berulat, tin-tin kosong yang telah berair dan bangkai-bangkai binatang yang mulai reput cukup menarik perhatian lalat. Lalat-lalat hijau mulai mengerumuni longgokan sampah tersebut. Secara tidak langsung Ana pun turut dihurungi lalat.

Ah! Alangkah dahsyatnya!

Menyedari keadaan tersebut, Ana sedaya upaya berusaha untuk bangun. Dia tahu perangai lalat hijau. Lalat hijau memang suka hinggap pada najis. Betapa jijiknya kalau lalat-lalat tersebut hinggap di mukanya.

Sekali lagi Ana berusaha untuk bangun. Tetapi dia gagal. Sampah sarap itu seperti mempunyai tangan, masing-masing mahu membelit tubuhnya.

Ana nampak, cebisan-cebisan kertas, plastik dan tali-tali saling bersambungan lalu membelit tangan dan kakinya. Menyedari hal itu, Ana begitu terkejut dan ngeri.

Secepat kilat Ana mahu bertindak. Dia mengumpul tenaga untuk bangun. Semakin galak Ana meronta, semakin kuatlah tali-tali yang membelit kaki dan tangannya menjerut.

Selain itu, Ana juga nampak sampah sarap lain terangkat-angkat seperti kura-kura bergerak. Semakin lama semakin mendekat. Barangkali sampah sarap itu hendak menimbusnya? Alangkah anehnya segala yang berlaku, fikir Ana semakin cemas. Sampah sarap boleh bertindak seperti manusia. Mungkinkah sampah sarap itu mempunyai perasaan?

Pada suatu ketika yang lain, Ana cuba bertenang. Sungguhpun peluh dingin sudah memercik di dahi, Ana cuba mencari akal. Dia tetap mahu berusaha melepaskan dirinya daripada belitan tali-tali sampah sarap itu. Ana yakin dia akan berjaya. Pada ketika yang lain pula, Ana terfikir mungkin segala yang berlaku akibat perbuatan orang jahat. Mungkin juga orang mengenakan ilmu sihir kepada dirinya?

Teringatkan hal itu, fikiran Ana menjadi tidak menentu. Dia bertambah takut dan macam-macam kejadian ngeri yang dibayangkan bakal menimpa dirinya. Siapa tahu kalau-kalau segala sampah sarap itu menimbus dirinya sehingga tidak bernafas?

Dengan tidak semena-mena, Ana meraung meminta pertolongan.

“Maaaaaakk! Abaaaaaahh! Kak Raihaaaaaan! Tolonglah Ana! Tolonglah selamatkan Anaaaa!”

Ana berasa sudah berkali-kali dia meraung dan melaung sekuat hati. Malangnya, suara Ana sebenarnya tidak terkeluar. Suara Ana masih tersekat di dalam kerongkong.

Sambil meraung, menjerit dan meronta-ronta, Ana masih juga mahu melihat keadaan di sekitarnya.

Di mukanya, lalat-lalat hijau mulai hinggap seekor demi seekor. Ana berusaha mengelak dan menggerak-gerakkan kepalanya, tetapi lalat itu terus hinggap juga. Apabila salah seekor lalat itu hinggap di bibir atas Ana, Ana betul-betul termuntah. Bau najis cukup menjijikkan Ana. Walaupun sudah begitu lama dia berusaha agar tidak termuntah, kali ini dia gagal. Habis tersembur semua makanan tengah hari yang dimakannya. Sehingga pada suatu ketika terasa habis sudah isi perutnya dimuntahkan.

Ana semakin lemah. Rontaannya pun tidak sekuat tadi. Dia nampak dirinya tercungap-cungap. Termengah-mengah seperti orang lelah dan sukar bernafas. Tercungap-cungap seperti orang kepenatan selepas berlari.

Apabila Ana berpaling ke kiri, dia nampak beribu-ribu ekor ulat menghala ke arah mukanya. Alangkah dahsyatnya!

Dengan tiba-tiba sahaja Ana kembali bertenaga. Dia meronta-ronta semahunya.

“Maaaaaakkk! Abaaaaaaaahh! Kak Raihaaaaaaannn! Tolonglah Ana. Tolonglah Anaaaaa!”

Ana terus meronta-ronta!

Malangnya, rontaannya tidak memberi hasil apa-apa. Sampah sarap yang telah membentuk menyerupai tali itu terus melilit dan membelit tubuhnya.

Bukan sahaja tali-tali itu menyakitkan badan, cecair busuk yang mengalir terlalu busuk! Tidak rela rasanya hendak Ana hidu. Kalaulah tangannya boleh bergerak dan menekup lubang hidung, pasti sudah Ana lakukan. Pasti Ana lebih rela untuk bernafas mengikut mulut sahaja. Pasti!

“M...ak, a... baah, ka... kaaakk. To... longlah A... naa. To... longlah,” suara Ana semakin perlahan dan tersekat-sekat. “Kak Rai... hannnn. Tolonglah Ana, Kak. Tolonglah,” rayu Ana lagi. Kali ini Ana sudah mulai

tersedu-sedu. Sebenarnya dia mahu menangis sekuat hati, tetapi air matanya sudah tidak boleh keluar lagi. Bukan disebabkan dia terlalu sedih, tetapi Ana terlalu takut dan jijik.

“Hah! Hah! Haaah! Haaahhh! Haahh! Haaaahhh! Dalam keadaan seperti ini baru kamu sebut-sebut nama Kakak yang kamu musuhi itu? Bukankah kamu merajuk setelah perangai dan sikap kamu ditegurnya?”

Suara yang datangnya entah dari arah mana membuatkan Ana semakin cemas. Sudahlah dirinya hanya terlantar begitu, suara yang garau lagi menyeramkan itu tidak dapat dipastikan pula milik siapa. Buat beberapa saat Ana terdiam. “Suara siapakah agaknya itu?” tanya hati



Ana sendiri. "Kalau betul suara manusia, tentu dia boleh membantu aku," kata hati Ana lagi.

"Wahai suara!" jerit Ana segera. "Bolehkan aku tahu tuan milik suara itu tadi?" tanya Ana memberanikan hati. "Janganlah bersembunyi. Bolehkan tunjukkan muka? Sekurang-kurangnya kita boleh bersahabat." Tambah Ana seperti memujuk sahaja.

"Baru sekarang kamu ingat kepentingan sajakat? Ha! Ha! Ha! Haaaa! Kamu memang tidak sedar diri. Bodoh tetapi sombong! Kamu ada seorang kakak yang baik hati tetapi, kamu memusuhinya. Kamu juga pernah berkenalan dengan seorang tua yang berhati mulia tetapi, kamu hina dia! Manusia apa kamu ini, hah?"

"Sekarang, apabila kamu susah, diri kamu terhimpit dalam timbunan sampah sarap ini, barulah kamu meminta pertolongan orang lain. Tahukah kamu mengapa sampah sarap berlonggok-longgok begini? Tahukah kamu mengapa sampah sarap seperti marah dan mahu menimbus diri kamu?"

"Errr... wahai suara. Tolonglah aku sekali ini sahaja. Kau tolonglah aku. Aku berjanji tidak akan melawan cakap Kakak lagi. Dan aku berjanji, mahu memperbaiki kelakuanku."

"Hah! Haaa! Haahhh! Haaaaahhh! Hahhhh! Haaaaaa! Haahhhhh! Kadangkala aku kasihan juga pada kamu, wahai manusia. Dan ada ketikanya, terasa lucu pula melihat kamu merengek-rengok dan merayurayu begini tetapi sayang, segalanya telah terlambat, wahai manusia. Kamu telah terlambat!"

"Oleh sebab pak cik pengangkut sampah itu mogok dan sampah sarap tidak diangkut hampir sebulan, halaman rumah kamu sudah penuh dengan sampah. Apabila kamu tercampak ke dalam timbunan kekotoran dan bau hanyir ini, tidakkah kamu sedar bagaimana pentingnya tugas pak cik yang kamu ejek itu?"

"Sekarang kamu terhimpit di dalam timbunan sampah. Sebentar lagi, kamu pula akan menjadi mangsa kami. Kamu akan kami korbakan!"

"Kk... korbankan? Ka... kalau kamu manusia, mungkinkah manusia zaman moden ini masih memakan manusia?" soal Ana terketar-ketar. Dadanya berdegup kencang. Nafasnya pun turun naik tidak menentu.

"Kamu tersalah duga, manusia! Sebenarnya, kamulah yang bertanggungjawab membiakkan kami! Lalat-lalat hijau memang suka menghurung segala macam kekotoran. Mereka pun bertelur. Kami pun ikut membiak sama kerana kami memang gemar tinggal di tempat yang kotor. Sekarang, kamulah yang terpaksa menanggung akibat-aktibatnya. Sekarang, lihatlah kami telah membesar beratus-ratus kali ganda! Saksikanlah!"

Pada mulanya, Ana tidak menduga perkara yang luar biasa akan berlaku tetapi dengan tiba-tiba sahaja, dia melihat beribu-ribu ekor ulat sebesar ibu jari kaki tercegat macam manusia sendiri. Tidak ada lain yang terlintas dalam fikiran Ana. Ana yakin, apabila ulat-ulat itu menyerang, sudah tentu dia akan mati. Secara tiba-tiba tubuhnya terketar-ketar. Dia tidak dapat membayangkan bagaimana kalau beribu-ribu ekor ulat sebesar itu menyerang.

Mula-mula, mungkin ulat-ulat tersebut bertindak mengorek kedua belah matanya. Tidak mustahil lalat-lalat hijau yang bertenggek di mukanya sejak tadi terus saja bertelur di situ. Kemudian, ulat-ulat tersebut mungkin masuk ke lubang telinga, ke lubang hidung, mulut.... Ah! Terlalu ngeri dan amat dahsyat sekiranya perkara itu benar-benar terjadi!

Menyedari ulat-ulat besar itu semakin mendekatinya, sekali lagi Ana meronta, tetapi tidak lama. Dia mengambil keputusan untuk merayu lagi.

"Wahai ulat," kata Ana kepada seekor ulat yang lebih besar. Pada pendapat Ana, mungkin ulat itu ketua.

"Ya. Ada apa?" soal ulat itu pula.

"Tolonglah aku sekali ini saja. Lepaskanlah aku. Tolonglah," rayu Ana sungguh-sungguh.

"Maaf, wahai manusia. Kami tidak dapat menolong kamu. Kamu terbelit, tercampak ke dalam sampah sarap dan dihurungi lalat, disebabkan perbuatan kamu sendiri."

"Akibat perbuatan aku sendiri? Apa maksud kamu, ulat? Aku tidak faham?"

.. .

"Baiklah manusia. Biar aku terangkan semuanya," jawab ulat itu sungguh-sungguh. "Selama ini, bukankah kamu sengaja malas membersihkan kawasan sekitar? Apabila orang tua atau Kak Raihan memberi tugas membersihkan sampah sarap, kamu merungut-rungut. Kamu menjalankan tugas tidak sepenuh hati. Tidak ikhlas".

"Bukan sahaja di rumah, di sekolah pun kamu membuang sampah merata-rata. Akibat sikap bermalas-malas itulah sampah sarap di dalam tong belakang rumah tidak kamu angkat ke tepi jalan. Apabila Kak Raihan tanya, ada saja alasan kamu. Kamu kata lori berhenti sekejap. Tak sempat hendak kejar. Ada lori sampah datang, kamu kata tak datang sudah seminggu."

"Sekarang, kamu rasalah akibatnya. Untuk pengetahuan kamu, kami telah membiak di dalam tong sampah belakang rumah itulah! Sekarang kami lapar. Jadi, bersedialah wahai manusia. Kami akan serang kamu sebentar lagi. Bersedialah!"

Tidak ada kata-kata yang dapat Ana luahkan lagi. Kali ini dia benar-benar takut. Ngeri sungguh!

Sudahlah dia jijik melihat ulat-ulat yang besar dengan mulut ternganga dan bergigit tajam, alangkah ngerinya!

Belum sempat Ana berfikir, mencari akal, tiba-tiba beberapa ekor ulat mulai menyerangnya. Ulat-ulat tersebut melenting. Sama seperti manusia melompat! Beberapa ekor yang terlekat di pipi kanan sudah bertindak. Ana terasa macam sesuatu sedang menggigit daging-daging pipinya.

"Maaakkk! Tolooong maaakk! Abaaah! Kakakkk! Kakaaaaakkk! Aduh sakitnyaaaaa!"

Kali ini Ana meronta-ronta sekuat hati. Dia bertekad. Dia mahu merentap dan memutuskan tali-tali yang membelit badan, kaki dan tangannya.



Pada suatu ketika Ana berasa dirinya hampir berjaya. Ada beberapa utas tali yang hanyir telah terputus. Sungguhpun cecair yang busuk itu terpercik ke mukanya, Ana tidak hirau lagi. Apa yang Ana fikirkan, dia mesti bebas! Dia mesti membebaskan diri daripada belitan itu. Dia juga mesti melawan ulat-ulat dan lalat-lalat hijau itu. Mesti!

Kini tangan kirinya sudah bebas. Ana terus bertindak. Lalat-lalat hijau yang menghurungi muka ditampar-tampar. Begitu juga dengan beberapa ekor ulat yang terasa mengorek-ngorek.

Pada fikiran Ana, ulat-ulat dan lalat-lalat itu akan terpenyek dan mati tetapi sayang, dugaan Ana salah. Ulat-ulat dan lalat-lalat hijau itu semakin galak menggigit dan memakan daging-daging pipinya.

“Aduuuhhh! Maaaakk! Abaaaahhh! Kakaaaaakkk! Tolonglah Ana kali iniiii! Matilah Ana kali iniiii! Aduh sakitnyaaa!”

Ana terus meronta-ronta. Sambil meronta Ana meraung dan berusaha untuk berguling. Terasa kaki kanannya sudah bebas daripada belitan. Ana bertindak lagi mahu melepaskan kaki kirinya. Dia berjaya, tetapi sebelah lagi tangannya masih terikat kuat.

“Ha! Haa! Haaahh! Haaahhh! Kali ini, matilah kamu, wahai manusia!” Tiba-tiba ketua ulat bersuara lagi. “Bukankah sudah aku katakan, kami tidak dapat menolong kamu. Kami hidup dan membiak pun disebabkan perbuatan kamu juga. Kami terpaksa bunuh kamu. Kami sudah lapaaaaarr!”

“Tetapi sebelum kamu mati, ingatlah pesan kami. Jagalah alam sekitar dengan baik. Cakap kakak kamu itu memang betul. Bantulah dia. Tidak sepatutnya kamu memusuhi dia....”

“Emm, macam mana lagi aku boleh membantu dia kalau aku mahu dibunuh?” pintas Ana berasa hairan. “Tolonglah, wahai ulat. Sekali ini saja, tolonglah jangan bunuh aku. Aku sudah insaf. Aku mahu ikut semua cakap Kak Raihan. Aku masih mahu hidup lagi. Aku juga mahu ikut menjaga alam sekitar. Tolonglah aku wahai ulat,” rayu Ana sungguh-sungguh.

Ketua ulat dan anak-anak buahnya terkekeh-kekeh.

“Menyesal kemudian tidak berguna, Ana. Tidak berguna! Semuanya sudah terlambat. Dengan tangan yang terikat sebelah itu, kami yakin kamu tidak akan dapat bergerak ke mana-mana. Pukul, dan tendang atau pijaklah kamu sekuat-kuat hati. Kami tidak mungkin akan mati sebelum dapat menggigit dan menjamah daging kamu. Bersedialah, wahai manusia! Bersedialaaaahhh!”

Tiba-tiba saja Ana seperti orang hilang ingatan. Dia menjerit-jerit tidak menentu. Dia meronta-ronta dan menepis atau memijak apa saja yang dianggapnya ulat dan lalat-lalat hijau.

Ana berguling ke kiri kemudian ke kanan. Pada pandangannya, ulat-ulat dan lalat-lalat yang menghurung tubuhnya tentu akan terpenyek dengan cara itu. Tetapi Ana salah. Ulat-ulat menjadi semakin garang. Rasa sakit digigit ulat-ulat dan lalat-lalat itu sungguh tidak terkata. Mahu menjerit pun Ana sudah tidak terdaya. Suaranya semakin lama semakin lemah.

Namun begitu, sebaik sahaja dia nampak dua ekor ulat mahu mengorek biji mata kirinya, Ana meraung.

"Tidaaaaakkkk! Jangan butakan mata akuuu! Jangaaaaan! Jangan butakan mata akuu! Kakaaaaaakkk! Tolong Kaaakkk!"

Sambil meraung, Ana seolah-olah dapat melihat ulat-ulat itu telah mengorek mata kirinya. Mata kirinya telah pecah. Darah memancut-mancut! Betapa ngerinya!

Tiba-tiba Ana terasa tubuhnya digoyang-goyang. Kemudian, telinganya pula dapat mendengar ada orang memanggil-manggil namanya.

"Anaaa! Anaaa! Kenapa ni menjerit-jerit? Hei, bangun! Bangunlah! Kenapa menjerit-jerit ni?"

Ana terasa semakin aneh. Hairan. Sungguh hairan dia.

"Suara siapa agaknya tu?" tanya hatinya. "Kalau suara ketua ulat, mengapa suaranya lembut. Tidak sekeras tadi?" fikir Ana lagi.

"Anaaa! Bangun Ana! Bangun!"

Ana membuka kelopak mata. Dalam samar-samar lampu tidur, Ana nampak suatu lembaga. Kemudian dia terdengar tapak kaki menapak.

Tiba-tiba lampu terpasang. Sekitar bilik terang. Cukup terang.

Entah bagaimana Ana ternampak sesuatu. Dia nampak beribu-ribu ulat dan lalat bertimbun-timbun di atas selimutnya.

Ana segera bingkas. Kain selimutnya dikibas-kibaskan. Dalam pandangan Ana, ulat-ulat dan lalat-lalat hijau itu tidak terpelanting walau seekor pun.

Kak Raihan kehairanan melihat gelagat Ana. Dia mendekati adiknya. Wajahnya nampak cemas. Cemas sungguh. "Masih mengigau lagikah dia," fikir Kak Raihan dalam hati.

Kak Raihan bertindak memeluk Ana.

"Ana. Mengucap dik. Bawa mengucap! Kenapa ni? Ana nampak apa?" tanya Kak Raihan agak gugup. "Sudahlah tadi Ana menjerit-jerit. Ana mengigau agaknya? Cuba tengok betul-betul. Ini Kakak, dik. Ini Kakak. Kenapa Ana tak jawab soalan Kakak?"

Sebaik sahaja mendengar pujukan itu, Ana seperti terpukau.

"Bee... tulkah Ana mengigau, Kak?" soal Ana terpinga-pinga. Betulkah Ana me... ngigau?" tanya Ana lagi.

"Sudahlah tu, dik. Cuba ikut Kakak beristighfar. Ikut ya, Astaghfirullah hal azim. Sebut dalam hati, mohon ampun banyak-banyak pada Allah."

Ana menurut saja kata kakaknya. Segalanya telahpun diceritakan. Kak Raihan mengakui mimpi Ana cukup mengerikan. Cukup menjeramkan.

"Mungkin ada kebaikan Ana bermimpi macam tu. Kalau tidak, tentu selama ini Ana tidak sedar betapa pentingnya kita menjaga alam sekitar," luah Kak Raihan.

"Memang betul cakap kakak tu." Ana bersetuju. Jauh di sudut hatinya dia berazam tidak mahu lagi melawan atau bermalas-malas untuk membuang sampah. Dia juga mahu membantu Kak Raihan menanam pokok-pokok di sekeliling rumah. Begitu juga dengan pokok-pokok bunga. Dia mahu turut membantu memelihara keindahan dan kebersihan alam sekitar.

"Sudahlah tu, dik. Itu kan cuma mimpi saja"

"Tapi, sungguh ngerilah Kak. Jadi, Ana nak minta maaf pada kakak banyak-banyak. Ana menyesal dengan sikap degil Ana. Ana juga kesal, dalam diam-diam Ana memusuhi kakak. Kakak maafkan Ana ya?" suara Ana sayu.



"Syukurlah Ana dah sedar. Sudahlah tu," balas Kak Raihan lalu memeluk Ana. Rambut Ana diusap-usap. "Dah lama kakak maafkan Ana. Sudahlah tu. Emm, sekarang ini Ana tak merajuk lagi, kan?"

Dua tiga saat mereka saling berpandangan.

"Kalau begitu, lebih baik Ana tidur atas katil ni. Tidur dengan kakak, tentu ulat-ulat dan lalat-lalat hijau tu tak akan berani kacau Ana lagi," usik Kak Raihan.

Tanpa disengaja Ana tersengih suka.

"Tapi Ana nak beritahu kakak. Ana mesti tolong kakak tanam pokok-pokok..."

Kali ini Kak Raihan pula yang tersengih.

"Baiklah, baiklah. Kakak gembira Ana hendak membantu. Tetapi, bukanlah sekarang. Sekarang baru pukul 2:30 pagi. Takkanlah Ana nak tanam pokok pagi-pagi buta macam ini?"

Mendengar penjelasan Kak Raihan, Ana juga tergelak kecil.

"Jadi, besok boleh Ana tolong kakak?" soal Ana seperti tidak sabar menunggu siang.

"Boleh, dik. Apa salahnya? Tapi, sekarang ini waktu tidur. Kalau Ana tak mahu tidur dengan kakak, kakak suruh ulat-ulat dan lalat-lalat hijau tu gigit Ana lagi. Nak?" Kak Raihan sengaja mahu menyakat.

"Alah kakak ni. Kita betul-betul ngeri, dia usik-usik pulak," balas Ana merengek manja. "Nanti kalau kakak yang mimpi macam tu, baru tahu."

"Tapi, tak mungkin kakak akan bermimpi begitu...."

"Kenapa pulak?" Ana berasa aneh mendengar jawapan itu.

"Kakak menjaga kebersihan dan kesegaran alam sekitar. Kakak tak membiarkan ulat-ulat!"

"Alah kakak ni....perli Ana ya?"

"Bukan perli, tetapi kenyataan. Bukankah ketua ulat tu cakap, Analah yang bertanggungjawab membiakkan mereka. Jadi..."

"Yalah! Yalah! Ana mengaku bersalah." balas Ana tegas. "Besok selepas sembahyang Subuh, Ana nak bersihkan sampah sarap dalam tong belakang rumah kita tu. Ana tahu, Ana yang cuai. Ana cuai, Ana bermalas-malas untuk melakukan perkara baik tu. Lepas tu, Ana nak sapu halaman. Ana nak tanam pokok dengan kakak..."

"Dahlah tu. Jangan kerja banyak-banyak. Nanti tak larat pulak. Kakak tak mahu Ana cakap saja lebih. Besok, apabila dah sampai masanya, satu kerja pun Ana tak buat."

"Kakak mencabar Ana?"

"Err, tidaklah begitu."

"Kakak tengoklah besok pagi," balas Ana bersungguh-sungguh. "Ana akan buktikan apa yang Ana kata."

"Baguslah kalau azam Ana begitu. Tapi sekarang, kita mesti tidur dulu. Besok kita boleh sambung cerita sambil..."

"Sambil tanam pokok kan?" celah Ana dan ketawa manja.

"Syukurlah Ana begitu bersemangat untuk memelihara alam sekitar. Kakak bangga mempunyai adik seperti Ana. Nanti, Ana bolehlah cerita pada kawan-kawan, mimpi ngeri Ana tu," cadang Kak Raihan.


"Nanti, kawan-kawan ketawakan Ana. Malulah Kak."

"Jangan takut. Kalau Ana cerita betul-betul, tentu mereka terlopong. Mereka akan mendapat pengajaran tentang alam sekitar. Secara tidak langsung, Ana sudah ikut berkempen."

"Kalau begitu, insya-Allah Ana akan cerita, Kak," Ana seakan berjanji.

"Tapi sekarang, tidurlah dulu. Kalau tak nak tidur, nanti kakak panggil ulat-ulat dan lalat-lalat hijau tu ..."





"Kakak ni tak sudah-sudah nak mengusik. Cubit nanti," gurau Ana pula. Kedua-duanya ketawa mesra sebelum masing-masing dapat melepaskan mata.

Beberapa ketika masing-masing terdiam. Puas Ana berusaha melepaskan mata, tetapi gagal. Dia teringatkan mimpi ngeri tadi. Dia juga teringatkan bau busuk dan hanyir sampah sarap. Sungguh dahsyat!

Mata Ana terbuka semula. Dalam samar-samar cahaya lampu tidur, Ana nampak langsir jendela bergerak-gerak.

Ana tahu, udara segar masuk ke dalam bilik itu. Barangkali udara dingin itu boleh menyejukkan tubuhnya. Apabila dia berselimut rapat, lama kelamaan matanya tentu akan mengantuk, fikir Ana.

Mula-mula Ana mahu menyedut udara segar itu dalam-dalam. Ana pun melakukannya. Udara bersih yang disedut ke dalam paru-paru, cukup melapangkan pernafasan.

Ana semakin sedar dan bersyukur. Udara dan persekitaran rumahnya tidak seperti keadaan yang menjijikkan di dalam mimpinya. Hatinya cukup lapang. Perasaannya cukup lega.

Dalam diam Ana mengakui, udara dan persekitaran yang bersih dapat menjamin kesejahteraan hidup kita.

Apabila menyedut udara segar dalam-dalam ke dalam paru-paru, Ana membayangkan dia berada di kawasan yang bersih. Ada gunung yang indah. Ada padang yang luas terbentang. Pohon-pohon pun segar dan menghijau. Ana tahu udara di kawasan seperti itu tidak tercemar. Jauh dari asap kenderaan dan lain-lain lagi. Alangkah selesanya keadaan di sekitar, dan alangkah damainya perasaan. Untuk beberapa lama selepas itu, Ana betul-betul terasa mengantuk. Dalam pada itu Ana tahu. Mulai esok dia akan turut memelihara kebersihan alam sekitar sebagaimana kakaknya.

Selepas itu tidur Ana betul-betul lena sehingga waktu Subuh.



Pemenang Ketiga
Indahnya Alamku

oleh
RAHIMI N. S.





INDAHNYA ALAMKU

Bunyi tuk, tang, tuk, tang yang memekakkan itu masih berterusan sejak dua minggu yang lalu. Dua belas jam sehari, tujuh hari seminggu, sungguh menyakitkan hati. Bunyi itu datangnya dari tapak projek perumahan yang bersebelahan dengan kampung setinggan, tempat kami tinggal. Pekerja-pekerja di kawasan projek sedang menanam cerucuk-cerucuk menggunakan jentera berat.

Bunyi bising amat merisaukan kami, penduduk kawasan setinggan di Jalan Kelang Lama ini. Ini ditambah lagi dengan bunyi bising kenderaan dan laluan keretapi. Ada kalanya pula bunyi bising ini ditambah lagi dengan deruman kapalterbang yang melintas di udara.

Tinggal di kawasan ini amat membosankan. Sakit hati dibuatnya. Ini sedikit sebanyak mengganggu kesihatan orang ramai. Telinga boleh menjadi pekak kalau ada bunyi yang terlalu kuat, tapi apa boleh buat. Bapa memilih tempat ini untuk sementara sahaja. Bapa telahpun membuat tempahan sebuah rumah baru yang sedang dibina di kawasan yang sedang diusahakan sekarang ini.

Bapa tamat tempoh perkhidmatannya dengan tentera empat tahun yang lalu. Sejak itu dia menjadi pemandu teksi di kota raya ini. Hendak menyewa rumah yang selesa agak mahal. Oleh kerana tidak ada pilihan lain, bapa mendirikan rumah setinggan, di tempat kami tinggal sekarang ini.

Begitu pun, aku dan kawan-kawan di sekolah rendah memang bernasib baik juga. Projek itu dimulakan sebaik sahaja UPSR diadakan.

Kalau tidak, bunyi bising dari tapak projek itu tentunya mengganggu kami mengulangkaji pelajaran. Gema bunyi tuk, tang, tuk, tang itu menjadikan suasana tidak tenteram.

Oleh sebab tidak tahan dengan bunyi bising yang tidak henti-henti itu, bapa, sebagai Ketua Jawatankuasa penduduk setempat telah mengadakan mesyuarat tergepar. Mereka membuat aduan kepada Jabatan Alam Sekitar. Mereka berharap supaya pengusaha projek dapat mengurangkan bunyi bising itu. Dua tiga hari selepas aduan itu, pihak pengusaha projek telah membuat dinding di sekeliling tapak itu. Kini bunyi itu tidaklah begitu kuat lagi.

Kini, walaupun ada bunyi, tuk, tang, tuk, tang yang berterusan bisingnya tidaklah sangat memekakkan telinga. Adikku yang berumur tiga tahun itu, dapatlah tidur lena. Apabila bangun tidur, aku lihat adik senyum-senyum sahaja. Mungkin tidurnya cukup lena.



Petang itu bapa balik awal. Pada hari itu emak keluar bersama-sama. Mereka keluar sepanjang hari. Dari jauh lagi bapa membunyikan hon keretanya. Kami adik beradik yang sedang menonton TV bergegas keluar. Kereta masuk ke garaj dan bapa terus mematikan enjinnya. Adik terlonjak-lonjak keriang. Begitu juga kami. "Horrey, horrey, horrey!" kami berteriak. Rasa bangga ada, rasa megah pun ada. Bapa telah membeli teksi baru. Teksi lama yang menggunakan disel telah bapa jual.

Adik berkejar ke arah emak.

"Nak naik, nak naik," kata adik yang masih pelat lagi sebutan perkataannya. Emak yang baru keluar kereta, mendukung adik dan membawanya duduk. Adik terkinja-kinja tanda gembira. Kami rapati kereta baru bapa. Kami cium dan raba-raba sana sini.

"Eh, jangan usik, nanti rosak," kata bapa berjenaka.

Semenjak setahun kebelakangan ini, kerap kali bapa sakit. Bapa sesak dada. Batuk-batuk. Kerap juga bapa ke klinik untuk rawatan. Selain bapa, teksi lamanya juga kena 'sakit'. Rosak sana, rosak sini. Banyak juga wang dikeluarkan untuk membaiki teksi lama itu. Bapa juga telah dua kali kena kompaun oleh polis. Asap kereta bapa banyak mengeluarkan asap. Bapa betul-betul 'fed up'. Sebab itu dia jual teksi lamanya yang menggunakan disel dan membeli Proton Saga yang menggunakan petrol.

Asap kereta yang berlebihan menjadikan udara kotor dan tercemar. Itulah sebabnya bapa mendapat sakit dada. Apa yang telah aku baca di akhbar, asap kenderaan mengeluarkan karbon monoksida, timah hitam, nitrogen dan bahan pencemar yang lain. Partikel-partikel ini kalau dihidu setiap hari akan membunuh secara senyap.

Aku berharap bapa akan menggunakan petrol tanpa plumbum untuk kereta barunya ini. Aku juga berharap bapa tidak akan merokok dalam kereta. Sekarang ini kereta baru bapa ada hawa dingin. Tidak sesuai betul kalau merokok dalam kereta yang sedemikian. Sebenarnya aku tidak senang dengan asap rokok. Aku berjanji pada diriku tidak akan merokok sampai bila-bila. Merokok adalah satu tabiat yang buruk dan membazirkan wang.

"Mari ke sini semua anakku," bapa meminta kami berkumpul di bilik tamu selepas makan malam. Wajahnya kelihatan riang. Nada suaranya macam ada sesuatu hadiah untuk kami. Ketika itu bapa tidak merokok.

"Bapa dah berhenti merokok?" bisik hatiku.

"Besok, kita semua akan balik kampung," sambung bapa setelah kami semua berada di sisinya. "Kita akan balik seminggu."

"Betulkah ini, pak?" tanyak Kak Long ingin kepastian.

"Betullah kata bapamu tu," emak meyakinkan kami. "Kan dah lama kita tak balik. Lagipun, kan dah ada kereta baru."

"Bolehlah tunjuk eksyen," sampuk Bang Ngah.

Kami semua ketawa berdekeh-dekeh.

Wah, seronoknya balik kampung. Aku berkata dalam hati. Lama pula tu, seminggu. Kata bapa, di kampung sedang musim buah-buahan dan Pak Lang akan mengadakan majlis perkahwinan anak sulungnya. Aku terlalu gembira.

Malam itu aku tidak lena tidur. Aku cuba sedaya upaya untuk melalapkan mata tetapi gagal. Dalam fikiranku tergambar wajah Tok Wan. Aku tahu akulah satu-satunya cucu yang sangat manja. Aku teringat Tok Aki, walaupun telah lanjut usia tetapi masih sihat dan kuat bekerja. Aku teringat Rasdi, anak Pak Lang yang sangat rapat denganku. Bersama Rasdilah aku bebas di kampung. Pergi mandi di air terjun, pergi memancing, pergi melastik burung dan banyak perkara lagi yang aku lakukan bersamanya.

Ah, seronoknya nanti.

"Bangun! Bangun! pergi mandi, sembahyang dan siapkan pakaian kamu. Kita bertolak ke kampung pagi ini." Bapa memberi arahan.

Aku terasa mengantuk lagi. Mahu tidak mahu aku terpaksa juga bangun pada awal pagi ini. Walaupun aku sudah biasa bangun pagi begini pada setiap hari, tetapi kalau cuti, terasa juga malasnya. Bagi bapa, disiplin tenteranya masih lagi diamalkan. Sikap bapa yang bangun pagi-pagi, aku sanjung tinggi. Lazimnya pagi hari, udara nyaman dan bersih.

Kabus di sekitar kawasan setinggan sangat tebal pada pagi itu.

Tengah malam tadi hujan turun renyai-renyai. Mungkin ini sebabnya kabus tebal.

Ketika membawa beg ke kereta, aku terserempak dengan Pak Leman yang baru balik dari kerja kilang di Petaling Jaya. Emak yang berada di belakangku meminta Pak Leman berhenti.

“Apa halnya?” tanya Pak Leman. Pak Leman dan keluarganya, merupakan jiran kami.

“Kami ni, nak balik ke kampung. Seminggu lamanya,” jelas emak.

“Seronok tu!” jelas Pak Leman.

“Kan dah lama tak balik. Saya minta pada Bang Leman dan Kak Kiah, tolonglah tengok-tengokkan rumah kami ni. Minta juga siramkan pokok-pokok lada dan tomato ini,” beritahu emak sambil menunjuk pasu-pasu yang di luar garaj. “Yang masak dan tua itu, ambillah. Kalau tidak membazir pula.”

“Boleh. Tak jadi masalah,” jawab Pak Leman.


Kami meninggalkan kawasan setingan itu. Kabus tebal dan udara yang dingin terasa juga sejuknya. Kami duduk rapat-rapat di belakang untuk mendapatkan kepanasan. Lampu kereta yang terang menunjuk arah jalan. Di lopak-lopak yang becak terdapat air bertakung. Bapa terpaksa memperlahankan keretanya, kalau tidak, akan kotor kena percikan lumpur. Apabila sampai di jalanraya barulah bapa mempercepatkan kelajuannya.

Kabus semakin menipis di persimpangan lebuhraya menghala ke selatan. Di lebuhraya, kenderaan bertambah banyak. Lori, treler, bas, teksi, trak tentera dan pelbagai lagi menuju ke destinasi masing-masing. Bunyi semakin bising. Satu kelainan terdapat pada bapa pagi itu, dia tidak merokok.

Melalui cermin kereta, aku melihat matahari pagi di ufuk timur menyinarkan cahayanya di celah-celah awan yang tebal. Pemandangan begini paling menakjubkan. Sinaran merah, kuning dan biru, terlukis satu gambaran yang cantik sekali. Matahari yang memancar mengeluarkan warna emasnya berkilau-kilauan. Sungguh cantik ciptaan Tuhan.

Bapa membelokkan keretanya ke persimpangan Senawang. Senawang merupakan kawasan industri utama di Negeri Sembilan. Ketika melalui kawasan ini aku ternampak asap menegak keluar dari dandang dan relau kilang-kilang. Asap yang keluar itu akan mengotorkan udara. Asap yang keluar itu turut berbau apabila cermin kereta diturunkan.

Setibanya di simpang Seremban - Kuala Pilah dekat Stadium Paroi, bapa membelok ke kanan. Kami melalui Bukit Putus. Ketika mendaki jalan ini, jalannya bengkok bengkok bagai ular kena palu. Selekohnya banyak dan berbelit-belit. Disetengah tempat, selekohnya tajam. Bapa memperlahankan kereta.



Aku perhatikan kiri dan kanan jalan. Di sebelah kanan tebingnya tinggi. Di sebelah kiri tebingnya curam. Di beberapa selekohnya terdapat anak sungai mengalir dari bukit turun ke lurah-lurah yang dalam. Di kiri dan kanan jalan pula penuh dengan pepohon yang menghijau. Kayu kayannya besar-besar menjulang ke langit. Hijau di sana. Hijau di sini. Suasana begini amat tenteram. Tidak seperti di kawasan-kawasan di pinggir bandar, habis digondol dan diratakan untuk pembangunan.


Sampai di kampung, hari hampir senja. Kalau tidak singgah di rumah Pak Usu di Batu Kikir tadi, kami akan tiba lebih awal. Di rumah Pak Usu, kami makan tengah hari. Selepas makan, bapa berbual-bual dengan adiknya yang telah lama tidak bersua itu. Pukul tiga baru kami berlepas dari rumah Pak Usu.

Aku kagum juga dengan Pak Usu. Rajin bekerja seperti Tuk Aki. Lauk yang dihidangkan kepada kami tadi, ikan talapia merah dari kolamnya. Sayur-sayurnya ditanam sendiri. Segar-segar pula tu. Tidak menggunakan bahan kimia atau racun untuk menghapuskan serangga dari kebun sayurnya. Buah pisang emas yang dihidangkan manis sekali. Mak Usu pula pandai memasak. Enak betul kami makan di rumah Pak Usu. Sebelum kami meneruskan perjalanan ke kampung, Pak Usu membekalkan kami dua tandan pisang emas yang masak ranum.

Bapa memperlahankan keretanya. Apabila sampai di pintu pagar, kami ternampak Tuk Aki dan Tuk Wan sedang menyapu dan mengumpulkan sampah sarap di halaman rumah. Mereka berhenti bekerja, apabila melihat kereta yang tidak dikenali masuk ke kawasan rumah mereka. Pandangan mereka tertumpu kepada kami. Mata mereka tidak berkelip.

Bapa mematikan enjin kereta dekat dengan mereka. Mereka tercengang. Sebaik sahaja kereta berhenti, aku terus turun mendapatkan Tuk Wan. Aku cium tangannya dan memeluk erat-erat, bagi melepaskan rindu. Ayah bersalaman dengan Tuk Aki. Begitu juga yang lain.

Sambil membawa beg naik ke rumah, aku sempat melihat keliling rumah. Ada perbezaan yang nyata kali ini. Kawasanya kemas dan bersih. Sama jugalah seperti kampung-kampung yang dilalui sebelum sampai ke sini. Tidak seperti setahun yang lalu, bersemak dan berbelukar. Aku kehairanan sekali. Aku agak, kempen kerajaan "Negara Bersih,



"Rakyat Sihat" telah mendapat sambutan penduduk-penduduk di kampung.

Kampung ini, kampung kelahiran bapa. Terletak di luar bandar dan jauh di pedalaman. Kampung tradisional. Jauh dari kesibukan jalanraya. Jauh dari bunyi bising. Udaranya segar dan nyaman. Di sekeliling rumah penuh dengan pokok buah-buahan. Rambutan, cempedak, langsung, duku dan lain-lain sedang lebat berbuah. Di halaman rumah pula ditanam pelbagai bunga. Indah kampung ini, bisik hatiku.

Oleh sebab keletihan, aku dan Bang Ngah tidur awal. Kak Long menolong Tok Wan, mengemas dan membasuh pinggan mangkuk di dapur. Emak menidurkan adik. Bapa dan Tok Aki di bilik tamu berbual-bual. Suasana cukup tenang di kampung ini. Hanya terdengar bunyi cengkerik membelah kesunyian malam. Bunyian serangga umpama alunan muzik membuatkan aku terlelap lebih awal. Ia amat mengasyikkan.

Aku terjaga awal, pada pagi pertama di kampung. Seruan azan yang jelas menusuk ke telinga, lembut dan bertenaga. Seruan "sembahyang itu lebih baik dari tidur" memecah suasana pagi yang damai. Kokok ayam yang bersahut-sahutan semacam tanda riang menyambut hari yang baru.

Akukejutkan Bang Ngah. Aku ke bilik mandi yang bersebelahan dengan dapur. Tok Wan dan Kak Long sedang menyediakan sarapan pagi. Tok Wan memberitahu aku, Tok Aki dan bapa, subuh-subuh lagi ke masjid. Mereka berjemaah di masjid.

"Selepas minum ini nanti, ayah, emak dan adik kau, nak pergi ke rumah Pak Lang kau." Bapa memberitahu kami semasa sedang sarapan pagi.

"Siapa lagi nak ikut?" Aku dan Bang Ngah menggeleng. Kak Long juga menggeleng. Tanda tidak mahu ikut pergi. Aku dan Bang Ngah hendak ke dusun bersama Tok Aki mengambil durian. Kak Long pula hendak bersama Tok Wan pada hari itu. Kak Long nak tolong Tok Wan membersihkan rumah.

"Pak, suruh Rasdi datang ke rumah Tok Aki hari ni," aku berpesan kepada bapa. Rasdi, anak Pak Lang, sepupu dan sebaya denganku. Sama-sama di Tahun Enam. Bersama Rasdi aku banyak menimba pengalaman cara kehidupan di kampung. Berbeza dengan kehidupan di bandar. "Minta dia tidur semalam dua-di sini," sambungku lagi.

Aku dan Bang Ngah pergi bersama Tok Aki ke dusun durian. Di luar pagar kawasan kampung, terpacak papan tanda projek 'Risda : Tanam Semula Berkelompok, Kampung Janda Indah, Peringkat Satu'. Kawasan ini lapang dan terang. Semua pokok getah tua telah dibakar dan ditebang. Anak-anak getah baru sahaja ditanam,

Kami menyusur di luar kawasan berpagar di tebing sungai. Di hulu anak sungai itu terletak dusun Tok Aki. Anak sungai itu bengkok bengkok macam ular kena palu. Airnya mengalir keruh. Hitam dan berbau. Ada tempat-tempat pula berlaku hakisan. Tanah-tanah yang mendap di sungai menjadi lumpur. Tidak kelihatan lagi pasir-pasir halus di dasar sungai.



Di manakah perginya anak-anak ikan, udang kecil dan labi-labi berlindung sekarang ini? Fikirku. Hal ini amat merisaukan aku. Di tempat inilah aku selalu bermain dengan Rasdi mencari ikan pelaga.

Setelah mendaki dan menuruni beberapa buah bukit kecil, kami pun sampai di dusun. Kami menuju ke dangau yang telah disediakan. Tok Aki dengan bakul di belakangnya terus pergi mengutip buah-buah durian yang gugur. Aku dan Bang Ngah terasa sedikit letih dan termengah-mengah. Rasa dahaga pun ada.

"Hei, kamu berdua, cepatlah kutip buah-buah itu," perintah Tok Aki.

"Nanti sekejap, Tok Aki. Kami nak rehat sebentar," Bang Ngah memberi alasan. Kami menarik nafas panjang menahan keletihan.

"Apa kena kamu ni, muda-muda lagi dah tak terdaya?" Sindir Tok Aki. Kami berasa malu. Tok Aki, yang berumur lebih tujuh puluh tahun, masih sihat dan cergas. Tok Aki mengutamakan kesihatan badannya. Pagi-pagi lagi selepas subuh, Tok Aki membuat senaman ringan. Amalan ini dilakukannya sejak dia muda lagi. Tok Aki juga tidak pernah merokok.

Buah-buah durian kami kumpulkan di dalam dangau. Buah-buah yang baik isinya, Tok Aki belahkan untuk kami makan. Tiba-tiba kedengaran bunyi kuat dari puncak bukit di sebelah atas dusun durian.

"Apa bunyi tu, Tok Aki?" Tanya Bang Ngah.

"Itu bunyi jentolak," jawab Tok Aki. "Di atas bukit itu sekarang ini, balak-balak sedang ditebang."

"Dah lama mereka mengerjakannya?" Aku pula bertanya.

"Sudah hampir dua bulan."

"Patutlah hakisan berlaku. Puas saya mencari jeram kecil dekat durian condong sebelah hillir tadi." Aku memberitahu Tok Aki.

"Bila mereka akan berhenti menebang?" Tanya Bang Ngah.

"Tak tahulah, tapi khabarnya dalam dua minggu lagi."



“Rosaklah anak sungai di bawah dusun ni, Tok Aki.” Aku mengeluh. “Susahlah kita dibuatnya nanti. Anak-anak ikan di sungai ni akan mati. Sungai pula akan terkambus.” Aku memberitahu Tok Aki. Pendapat aku ini macam ahli sains pula, tapi perkara beginilah yang telah aku baca dalam sebuah akhbar tempatan beberapa ketika dahulu.

Aku menyambung lagi pendapatku tentang hakisan kepada Tok Aki. Seboleh-bolehnya aku ingin meyakinkannya dengan pendapatku.

"Tanah-tanah yang turun, hakisan, namanya, dibawa oleh air hujan dari tempat yang dikerjakan. Tanah-tanah itu akan masuk ke dalam sungai menjadi lumpur. Dari sungai ia akan mengalir ke muara. Sepanjang perjalanan air sungai itu, ia akan membawa humus, bahan galian, pasir dan batu-batu kecil. Sungai akan mendap dan menjadi tohor."

"Sambung lagi." Pinta Tok Aki. Dia kagum mendengar penjelasanku. Tok Aki memberi tumpuan penuh tentang pendapatku ini.

"Pelbagai bahan yang mengalir dari hulu sungai akan merosakkan dan mengancam kehidupan spesies haiwan di darat, di air dan juga di laut, termasuk juga ikan-ikan di dalam sungai ini. Kita semua yang rugi kerana kita akan kehilangan berbagai-bagai khazanah yang tidak ternilai bagi kegunaan perubatan dan penyelidikan sains."

"Bijak betul cucuku ni," Tok Aki memberi sanjungan.

"Dia temberang, Tok Aki. Manalah dia tahu semuanya ini." Bang Ngah menyangkal keteranganku tadi.

"Ini bukan temberang sebarangan. Ada betulnya perkara itu." Tok Aki menyebelahi aku. "Kata pengusaha balak di atas bukit itu, mereka akan melebar dan mendalamkan sungai-sungai di kawasan kampung itu nanti. Itu janji mereka kepada Ketua Kampung." Aku perhatikan wajah Tok Aki. Dia terasa puas mendengar keteranganku tadi.

Rasdi tidak dapat datang ke rumah Tok Aki pada hari itu. Kata bapa, Rasdi ke balai raya pada petang itu kerana hendak memulangkan buku yang dipinjamnya dari Perpustakaan Awam Bergerak. Kalau tidak dipulangkan dia akan didenda. Rasdi akan datang esok.

Aku bersabar. Aku mesti berjumpa Rasdi. Dalam suratku kepada Rasdi sebulan lalu, kalau ada kesempatan aku akan balik ke kampung. Aku telah senaraikan aktiviti-aktiviti yang akan dilakukan bersama. Yang amat aku hajatkan ialah memancing ikan haruan di sebelah hilir rumah Tok Aki. Pada selekoh sungai yang ditumbuhi serumpun aur itu, ada sebuah lubuk dalam. Di dalam lubuk itu ada banyak ikan, terutama haruan. Tempat itu adalah tempat yang biasa aku dan Rasdi memancing.

Pagi-pagi lagi, pada hari berikutnya Rasdi datang. Aku sungguh gembira. Rumah Rasdi dengan rumah Tok Aki tidaklah begitu jauh sangat. Lebih kurang lima kilometer sahaja. Dia datang dengan basikal. Ketika dia sampai-pada pagi itu, kami semua sedang bersarapan pagi. Tuk Wan mempelawa Rasdi makan bersama. Dia duduk di sebelah aku. Kami bercakap perlahan-lahan mengatur rancangan yang akan dilakukan.

"Apa berbisik-bisik tu?" Tegur Kak Long yang memerhatikan kami berdua. "Dah ada program ke?"

"Memang ada, Kak Long." Rasdi memberitahu.

"Kak Long tahu. Kau berdua nak memancingkan?" Kak Long bertanya. "Sekarang ini mana ada ikan di sungai tu? Petang kelmarin Kak Long dan Tok Wan ke sungai. Airnya keruh dan berkelodak. Ikan tak sesuai hidup di dalam air begitu, tapi nak pergi juga pergilah. Jangan lama-lama."

Nasihat Kak Long tidak kami pedulikan. Kami tetap akan meneruskan rancangan kami. Kami pinjam joran Tok Aki. Sebelum pergi, kami menggali tanah mencari cacing. Kami masukkan ke dalam tempurung. Setelah siap kami terus pergi.

Kami berjalan menyusur di tepi sungai. Kami menuju ke lubuk haruan di sebelah hilir. Ada tempat-tempat dimana lumpur melebihi tebing sungai. Jalannya becak dan licin. Di permukaan sungai, banyak sampah-sarap. Ada yang terapung, seperti ranting-ranting dan batang kayu. Ada juga yang terbenam. Di tempat-tempat tertentu airnya mengalir deras dan ada pula yang bertakung. Sungai ini tercemar. Kalau keadaan sungai berlarutan begini, tiada hidupan air yang boleh hidup.

Kami berjalan perlahan sahaja. Setapak demi setapak melangkah ke lubuk haruan. Ada kalanya kami bergayut kepada kayu-kayu kecil supaya tidak terjatuh. Betullah kata Kak Long tadi, sungai ini hampir terkambus. Lumpur di sana sini.

"Hati-hati, nanti terjerumus ke dalam lubuk haruan yang dalam ini." Jerit Rasdi. Ketika itu aku sedang menikam-nikam ke dalam lubuk dengan sebatang kayu. Tangan kiriku memegang pada sebatang buluh aur. Aku amat kecewa dengan keadaan lubuk haruan yang telah hilang itu.



“Aduh!” Aku menjerit kesakitan. Tanganku yang berpaut pada buluh digigit semut api. Tanganku terlepas. Kayu di tangan kananku tercampak ke dalam sungai. Aku terjatuh masuk ke dalam sungai.

“Tolong Rasdi, tolong aku!” Aku meminta pertolongan. Pada ketika yang sama seluruh tubuhku terbenam ke dalam lumpur. Aku terkapai-kapai mencari sesuatu untuk berpegang. Sungguh dalam lubuk haruan ini, hingga ke leherku. Aku terasa sesuatu bergerak di punggungku. Aku bertambah takut lagi.

"Ular Rasdi, ular! Cepat Rasdi, cepat tolong aku!" Aku panik. Rasdi menjadi kelam-kabut. Dia cuba mendapatkan tangan aku, tetapi tidak berjaya. Aku dihilirkan oleh lumpur dan air keruh. "Ambil kayu, hurlurkan kepadaku, cepat Rasdi, cepat. Aku sedang hanyut ni!"

Rasdi segera mencari kayu. Dia hurlurkan hujung kayu itu kepadaku. Aku dapat mencapai dan terus memegangnya kuat-kuat. Rasdi menarik kayu itu perlahan-lahan dan aku berengsot-engsot ke tebing. Aku dapat memegang akar yang terjantai dan terus naik ke atas tebing. Aku terselamat daripada malapetaka yang tidak disangka itu.



"Huh!" Aku menarik nafas panjang. Cemas. Letih. Takut. Rasdi dengan muka yang pucat datang menghampiriku. Dia menepuk belakangku beberapa kali. Mungkin dia hendak memulihkan semangatku. Wajahnya juga ternyata bimbang. Lepas itu dia membuang lumpur yang terpalit di seluruh badanku.

Kalaulah Rasdi tidak bersamaku, entah bagaimana nasibku sekarang ini. Tragedi ini menjadi pengajaran kepada kami. Kami tidak mematuhi amaran Kak Long, orang lebih tua daripada kami. Tuhan masih sayang padaku.

"Di, ke manakah haruan-haruan di sini pergi? Dah berpindah? Atau terbenam mati dalam lumpur ini? Mungkin tadi yang menguis-guis punggungku tadi, si haruan jantan? Kesianlah, kesian betul nasib keluarga haruan di sini. Ia pupus akibat hakisan di sungai ini." Aku mengeluh mengeluarkan perasaan sedihku tanpa mengharapkan jawapan daripada Rasdi.

Dalam perjalanan pulang, Rasdi memapah aku. Badanku lemah dan kurang bermaya. Perasaan cemas dan bimbang masih lagi menyelubungi diriku. Kami tidak dapat ikan haruan tetapi aku yang dapat nahas.

Rasdi menceritakan apa yang terjadi kepada bapa. Aku takut juga, kalau-kalau bapa marah. Rupa-rupanya bapa tidak marah. Dia senyum sahaja.

"Itulah anak jantan bapa," katanya, seperti memerli aku, tapi padaku, itu adalah kata-kata bersemangat.

Hari-hari berikutnya, kami tidak ke mana-mana. Bapa, ibu dan adik berulang-alik ke rumah Pak Lang menolong membuat persiapan kenduri kahwin. Rasdi tetap bersama aku di rumah Tok Aki. Kami bekerja keras menolong membersihkan kawasan kampung Tok Aki. Bang Ngah menggali dan membesarkan lubang sampah jauh di belakang rumah. Kak Long dan Tok Wan menanam dan membubuh baja bunga-bunga di halaman rumah. Aku, Rasdi dan Tok Aki menebas rumput-rumpai. Daun-daun yang gugur juga dikumpulkan. Kemudian dibakar di lubang sampah.

Tok Aki memberitahu kami, dia akan masuk bertanding kebersihan kampung anjuran Pejabat Daerah. Hadiahnya agak lumayan juga, Tok Aki memberitahu. Kami tolong bersungguh-sungguh. Selepas menggali lubang, Bang Ngah mengecat pula tangga rumah. Kami berharap, biarlah nanti Tok Aki beroleh kejayaan.

Orang-orang kampung yang lain turut membersihkan kawasan masing-masing. Ini dapat kulihat semasa aku berbasikal ke rumah Rasdi. Amalan begini amat baik sekali. Aku berharap mencantikkan kawasan rumah, sewajarnya berkekalan. Sikap terpuji ini amalan yang murni. Jauh dilubuh hatiku aku berharap semoga dengan kesedaran orang kampung dan pemaju projek pembalakan sungai tempat aku selalu memancing akan kembali pulih, tanpa lumpur, tanpa pencemaran. Dapatlah aku bersama-sama Rasdi memancing ikan haruan. Alangkah indahnyalah!



Tuah Fadillah Ithnin juga dikenali dengan nama H.M. Tuah Iskandar. Di samping menjawat jawatan editor di Kumpulan Karangraf, beliau adalah pensyarah sambilan di Institut Teknologi Mara, Shah Alam, dan juga seorang penulis yang banyak menghasilkan buku kanak-kanak.

Setakat ini beliau telah menulis 30 buah judul buku kanak-kanak, remaja dan ilmiah. Beberapa buah novel kanak-kanaknya telah memenangi Hadiah Utama Peraduan Menulis Novel yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Novel-novel itu berjudul “*Runtuknya Sebuah Istana*”, “*Pedamaran Rimba*” dan “*Duta Utusan Ayah*”. Sebuah lagi novelnya berjudul “*Tragedi Bujang Senang*” telah memenangi Hadiah Buku Terbaik Kebangsaan pada tahun 1992.

H.M. Tuah Iskandar juga pernah menjadi wartawan di Bernama dan editor akhbar Sinar Sarawak. Dua buah buku ilmiahnya berjudul “*Universaliti Kewartaan, Definisi, Implimentasi dan Tuntutan*” dan “*Warta dalam Komunikasi Tiga Dimensi*” diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, manakala bukunya “*The Moslem Thought of Journalism*” oleh Ultimate Pages Sdn. Bhd. untuk pasaran antarabangsa.

Beliau dilahirkan pada tahun 1960 di Muar, Johor. Pendidikan awalnya ialah di tempat kelahirannya itu sebelum mendalami ilmu Kewartawanan dan Pengajian Media di Trans-World Tutorial College, Britain dan Eastern University, Amerika Syarikat.

Beliau ialah ahli seumur hidup Persatuan Graduan-graduan British Malaysia dan Persatuan Penulis Johor yang aktif.



AMINHAD atau nama penuhnya Amin bin Minhad lahir di Dusun Tua, Selangor pada 28 Disember 1959. Beliau mendapat pendidikan awal di Pulau Indah, Pelabuhan Klang; Pasir Panjang; Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim (MPTI), Johor Bahru; Universiti Pertanian Malaysia, Serdang dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mula menulis sejak di bangku sekolah. Karya pertamanya berupa puisi, tersiar dalam *Dewan Sastera* April 1979 berjudul *Terdesak*. Genre penulisannya termasuk rencana, cerpen, skrip drama pentas juga novel. Beliau juga menulis buku Bahasa Melayu dan ulasan Kesusteraan Melayu SPM.

Aminhad pernah aktif melukis dan mempamerkan karyanya di sekitar Johor Bharu, Kelantan dan Terengganu sepanjang 1981 - 83. Beliau juga salah seorang pengasas Grup Teater Anak Sepi (G'TAS) MPTI pada tahun 1982 yang giat dalam persembahan teater, tarian, lagu-lagu puisi, seni lukis dan puisi.

Antara Hadiah yang pernah dimenenginya ialah **Hadiah Penghargaan dan Penulis Muda Terbaik**, *Hadiah Cerpen Esso-GAPENA V dan VII 1984/87*, (*Yuri Unggai dan Kemajuan Bumiku Musuhku*), **Hadiah Penghargaan** *Hadiah Sastera Remaja Esso-GAPENA III 1984* (*Novel Perjalanan-Ika Suziana*), **Hadiah Utama** *Hadiah Sastera Remaja Esso-GAPENA IV 1987* (*Antologi Puisi Remaja-Tragedi Daun Pisang*), **Hadiah Utama** *Sayembara Novel Sejarah Yayasan Pahang - DPMP I 1987* (*Anak Bumi Semantan*), **Hadiah Kedua** *Menulis Cerpen Kanak-Kanak Jabatan Alam Sekitar 1992* (*Sebelum Tidurnya Terlenna*), **Hadiah Utama** dan **Penghargaan** *Cerpen Remaja, Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public bank 1992 dan 1993* (*Tina, Pesan Panjang Buat Ana dan Selagi Ada Matahari*) dan **Hadiah Penghargaan** *Sayembara Cerpen Berunsur Islam V 1995* (*Antara Dua Pintu*).

Antologi cerpen remaja perseorangan beliau berjudul *Sejenak Tapi Berkesan* (DBP: 1993) dan *Sebelum Ke Destinasi* (DBP: 1994). Antara novel remaja beliau berjudul *Pahlawan Ijau Layang* (Oscar: 1991), *Serindit Merah* (Delta: 1993), *Menggenggam Bara* (Longman: 1993), *Teja: Damailah Dalam Pengorbananmu* (DBP: 1993), *Gugurnya Ketika Dini Hari* (DBP: 1994) dan *Lahuz Irad Atireb* (Eastview: 1995). Buku kanak-kanak yang dihasilkannya seperti *Siri Klasik Kumpulan Cerita Sang Kancil* (DBP: 1992), *Kak Uda Sayang, Di Medan Pertempuran*, *Tekukurku Sayang*, *Mereka Bukan Sahabat* (Berita Publishing: 1993) dan sebagainya. kini beliau bertugas sebagai pegawai akedemik di Maktab Tentera Diraja, Kuala Lumpur.



Rahimi NS atau nama penuhnya A. Rahim bin Hj. Ismail dilahirkan pada 27.9.42 di Kg. Sungai Jelutong, Kuala Pilah. Mendapat pendidikan awal di tempat kelahiran dan ke sekolah menengah di Sekolah Tuanku Muhammad, Kuala Pilah (1953 - 1960). Kemudian mengikuti latihan perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris Tg. Malim (1962 - 1963). Mengajar di beberapa buah sekolah di daerah Kuala Pilah, Jempol dan Jelebu. Sekarang ini sebagai Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Serting Ulu, Daerah Jempol.

Ahli Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dan pernah dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa selama tiga penggal. Di samping itu menjadi ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan. Mula menulis ketika di MPSI dalam bidang Puisi, Cerita Kanak-Kanak, Cerita Rakyat, Cerpen dan artikel-artikel mengenai budaya dan sejarah.

Berjaya di dalam peraduan Sayembara Puisi Nasional Esso-Gapena (1989) dan memenangi dua hadiah saguhati Puisi Sejarah Nasional anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1991) dan tempat ketiga Cerita Kanak-Kanak Mengenai Alam Sekitar anjuran Jabatan Alam Sekitar, Malaysia (1992).

Bersama-sama penulis-penulis lain, telah menghasilkan beberapa buah antologi puisi: *Jika Kau Rindu* (DBP) *Di Atas-Mimbar Merdeka* (DBP) *Guru oh Guru* (DBP) *Tahta dan Rakyat Satu Manifestasi* (DBP - edisi terhad), *Merafak Sembah* (PEN) *Gema Serunai Hati* (PEN) *Desir Aidil Fitri* (PEN) *Gema Membelah Gema 9 dan 11* (Hari Puisi Nasional), dua buah novel kanak-kanak (*Jeya Bakti*) *Cerita Rakyat - Cincin Hikmat* (DBP). Di samping itu puisi-puisi tersiar di akhbar-akhbar dan majalah tempatan. Beberapa artikel mengenai sejarah dan budaya dalam *Jurnal Warisan*, terbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.




- GUNALAH PERALATAN YANG BEBAS-CFC ATAU TIDAK MEMUDARATKAN ALAM SEKITAR – terdapat banyak peralatan sebegini, anda cuma perlu memilih



- JANGAN BUANG SISA MAKANAN DALAM SINKI – sistem saluran akan tersumbat dan seterusnya mencemarkan sistem pengairan (rancangkan jadual pemakanan anda atau makanlah mengikut kadar yang tidak membazirkan)



- GUNAKAN TANDAS PANCURAN DUA-AKSI – ianya mengurangkan penggunaan air



- TURUT SERTA DALAM PROGRAM-PROGRAM KITAR SEMULA – kumpulkan suratkhabar untuk dihantar ke pusat-pusat kitar semula dan asingkan sampah-sampah yang hendak dibuang



- TUTUP PAIP AIR – satu amalan yang mudah dan setiap titik adalah berharga



- BERJALAN KAKI KE TEMPAT MAKAN JIKA BOLEH – anda berpeluang untuk bersenam serta menjimatkan penggunaan petrol dan membantu mengurangkan pencemaran udara



- GUNAKAN PETROL TANPA PLUMBUM – mainkan peranan anda untuk mengurangkan pencemaran plumbum di udara



- GUNAKAN AEROSOL YANG TIDAK MENGANDUNGI CFC – peliharalah lapisan ozon (lebih baik jangan gunakan aerosol)



- JANGAN BIARKAN SAMPAH – Ya!!!, walaupun ianya bukan perbuatan anda, kutiplah sampah tersebut dan jadikananya satu amalan untuk dicontohi oleh rakan sepejabat

IKRAR ALAM SEKITAR

Bahawa kami rakyat Malaysia

Berikrar

Akan sentiasa berusaha

Dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab

Untuk mengekal dan meningkatkan

Kualiti alam sekitar

Dengan memperseimbangkan

Pembangunan negara

Dan melindungi alam sekeliling kita .

Berdasarkan konsep Pembangunan Mampan

Selaras dengan Deklarasi Langkawi

Semoga negara

Sentiasa bersih, indah

Disayangi

Serta dihormati

